

PENGAKUAN

Saya akui penulisan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh :

Osman Bin Senawi

C08A072

Dedikasi buat....

Ayah dan Emak yang tercinta,
Haji Senawi Bin Manan dan Hajah Jenah Binti Haji Takip
Terima kasih atas pengorbananmu dalam mendidik
Diriku menjadi insan yang berguna.

Buat keluarga,
Terima kasih kepada abang-abangku
Dan kakak-kakakku sekalian
Yang banyak memberi sokongan dan dorongan.

Buat penyelia,
Terima kasih kepada Yg. Bhg. Dato' Dr. Adi bin Hj. Taha
Dan juga En. Mohd Syukran Bin Kamaruzzaman
Atas bimbingan dan tunjuk ajar
Serta didikan yang telah diberikan.

Buat pensyarah-pensyarah,
Jutaan terima kasih atas segala ilmu
Dan kesabaran dalam mendidik

Terima Kasih buat sahabat yang membantu,
Dan semua rakan-rakanSeperjuangan.
Semoga Ukhwah yang terjalin berkekalan hendaknya.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi maha Mengasihani.

Puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t serta selawat dan salam ke atas junjungan besar, Rasulullah s.a.w. Dengan rahmat Allah yang maha Esa, maka latihan kertas ilmiah ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam memberi sokongan, bantuan, kerjasama, kritik dan saran serta sumbangan dalam proses menyiapkan latihan kertas ilmiah ini.

Jutaan terima kasih saya berikan kepada penyelia utama, Yg. Bhg. Dato' Dr Adi bin Taha dan penyelia bantuan En. Mohd Syukran Bin Kamaruzzaman yang banyak memberikan tunjuk ajar di samping menyelia, menyemak, membaiki segala kesilapan sepanjang penulisan kertas ilmiah ini.

Terima kasih khas untuk Jabatan Muzium Sarawak serta para pegawai dan staf yang banyak memberikan khidmat nasihat dan bantuan.

Terima kasih juga buat rakan-rakan yang membantu dan memberi sokongan terutamanya kepada Hidzir Bin Sairan, Siti Amirah Binti Abd Hamid, Umi Syafirah Binti Anuar, Muhammad Hazlami Bin Muhammad Razali dan sekian yang lainnya, serta tidak lupa juga buat keluarga yang memberi semangat dan dorongan. Sekian.

Osman Bin Senawi (C08A072)

Pengajian Warisan,

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,

Universiti Malaysia Kelantan.

ABSTRAK

Kertas ilmiah ini cuba mengkaji aspek pengurusan koleksi yang mana kajian kes telah dijalankan di Jabatan Muzium Sarawak. Persoalan yang akan ditinjau ialah bagaimana proses atau kaedah pengurusan koleksi bagi Jabatan Muzium Sarawak dari peringkat perolehan sehingga ke peringkat penyimpanan dan penyebaran maklumat koleksi. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Kaedah penulisan yang digunakan pula adalah analisis diskriptif. Kaedah ini digunakan bagi menghuraikan secara terperinci hasil kajian yang telah diperolehi. Dengan menggunakan data primer yang diperolehi melalui temubual ke atas pegawai dan staf muzium dan juga tinjauan lapangan, suatu analisis data disusun dan dihuraikan ke dalam bentuk penulisan untuk mengetahui kaedah pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Seterusnya kajian ini cuba memberikan cadangan yang dianggap relevan sebagai rujukan dan perbandingan untuk kajian seterusnya.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

ABSTRACT

This scientific paper attempts to review aspects of collection management in which case study was conducted at the Sarawak Museum Department. The question to be considered is how the process or method of collection management for Sarawak Museum Department of the proceeds up to the storage and dissemination of information collection. The approach used in this study is a qualitative approach. The method used was the writing is descriptive analysis. This method is used to describe in detail the outcome of the study was obtained. Using primary data obtained through interviews of the officers and staff of the museum and field survey, a detailed analysis of the data compiled in written form to find a collection of management tools Sarawak Museum Department. Further study attempts to provide recommendations that are considered relevant as a reference and comparison to studies.

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN.....	ii
DEDIKASI.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ABSTRAK.....	v
ABSTRACT.....	vi
ISI KANDUNGAN.....	vii
SENARAI RAJAH.....	xi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
10.1 Muzium Sarawak	6
1.1 Objektif Kajian	7
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Rangka kerja teoritikal	10
1.4 Batasan kajian	11
1.5 Kepentingan kajian	11
1.6 Kekangan kajian	13
1.7 Terminologi dalam kajian	14
1.8 Struktur dalam kajian	17

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	19
2.1 Muzium	20
2.2 Koleksi	25

2.3	Pengurusan Koleksi	29
2.4	Polisi Pengurusan Koleksi	31
2.5	Konservasi	33
2.6	Kesimpulan	34

BAB 3 : KAEDAH KAJIAN

3.0	Pengenalan	35
3.1	Lokasi Kajian	37
3.2	Kerangka Teoritikal	38
3.3	Kaedah Pengumpulan data	
3.3.1	Data Primer	40
3.3.2	Data Sekunder	42
3.4	Analisis Data	43
3.5	Penutup	44

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	45
4.1	Sejarah dan Rasional Penubuhan Muzium Sarawak	46
4.2	Fungsi dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak	64
4.3	Objektif Dasar dan Prosedur Pengurusan koleksi	65
4.4	Dasar Dan prosedur pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak.	66
4.5	Dasar Perolehan	68
4.6	Cara perolehan	70

4.7	Prosedur Perolehan.	71
4.8	Pembatalan hak milik atau pembatalan pendaftaran.	73
4.9	Pinjaman Masuk dan Keluar.	74
4.9.1	Pinjaman Masuk	75
4.9.2	Pinjaman Keluar	76
4.10	Dokumentasi.	78
4.11	Capaian kepada koleksi dan rekod.	78
4.12	Bilik Koleksi	80
4.12.1	Cara Penyimpanan	81
4.13	Penerbitan semula dan pengambilan gambar objek koleksi	90
4.14	Penjagaan Koleksi	91
4.15	Pemuliharaan	93
4.16	Penyebaran Maklumat Koleksi	
4.16.1	Pameran	97
4.16.2	Pendidikan	99
4.16.3	Penerbitan	100
4.16.3	Aktiviti lain	102

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	103
5.1	Perbincangan	104
5.2	Cadangan	107
5.3	Kesimpulan	109
BIBLIOGRAFI		111
LAMPIRAN		114

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	: Rangka kerja Teoritikal.....	10
Rajah 3.1	: Kaedah pengumpulan dan analisis data.....	36
Rajah 3.2	: Kedudukan Bandaraya Kuching.....	37
Rajah 3.3	: Pandangan Muzium Sarawak.....	38
Rajah 3.4	: Kerangka kerja teoritikal.....	39
Rajah 4.1	: Carta organisasi bagi Bahagian Pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak.	62
Rajah 4.2	: Pua' Jugam.....	70
Rajah 4.3	: Proses Kerja Inventori Koleksi.....	80
Rajah 4.4	: Kaedah Penyimpanan tertutup.....	81
Rajah 4.5	: Penyimpanan koleksi jenis kain, tekstil dan pakaian.....	82
Rajah 4.6	: Cara Penyimpanan Manik.....	83
Rajah 4.7	: Penggunaan pelapik lembut.....	83
Rajah 4.8	: Cara Penyimpanan Menegak.....	84
Rajah 4.9	: Penggunaan “free Acid Paper”.....	85
Rajah 4.10	: Kaedah Penyimpanan Menggunakan Rak.....	86

Rajah 4.11	: Penyimpanan seramik yang diletak di atas kotak.....	86
Rajah 4.12	: Cara penyusunan dan penyimpan koleksi seni lukisan.....	87
Rajah 4.13	:Pergantungan Seni Lukis Pada Dinding.....	88
Rajah 4.14	: Rumah panjang.....	94
Rajah 4.15	: Carta Alir Proses Pemuliharaan Artifak.....	95
Rajah 4.16	:Proses Kerja pemuliharaan Artifak.....	96

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Aktiviti permuziuman di Malaysia telah bermula sejak 1883 apabila pemerintahan British menubuhkan Muzium Perak di Taiping. Dalam tahun 1888, Muzium Sarawak pula ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak, Sir Charles Brooke. Berikutnya, Negeri Selangor juga menubuhkan Muzium Selangor dalam tahun 1907. Dalam tahun 1910 pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Bersekutu. Walau bagaimanapun, pengurusan kedua-dua muzium ini

dipisahkan semula sebagai satu langkah di bawah program desentralisasi oleh pemerintah British. Pada 10 Mac 1945 di saat akhir perang, sebahagian daripada Muzium Selangor telah roboh terkena bom akibat kesilapan yang dilakukan oleh Juruterbang Tentera Udara Berikat dan sebahagian besar artifak musnah. Berikutnya daripada itu pada tahun 1959, kerajaan melantik seorang arkitek untuk membuat rekabentuk sebuah bangunan khas sebagai Muzium Negara dan ianya telah dibuka secara rasmi pada 31 Ogos 1963.

Kini, Institusi Muzium di Malaysia tumbuh dan berkembang dengan pesat. Di samping Muzium-Muzium Persekutuan yang terletak di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Dan Antikuiti, terdapat muzium-muzium negeri di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing, muzium-muzium jabatan dan institusi di bawah pentadbiran jabatan dan institusi tertentu dan seterusnya muzium-muzium swasta yang ditubuhkan oleh pihak swasta. Pada kebiasaannya masyarakat memahami istilah muzium adalah sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang lama di dalam sebuah bangunan. Namun begitu sejak pertubuhan UNESCO diwujudkan pada tahun 1974 melalui badan profesional yang dipanggil ICOM (*International Council of Museum*) telah memberikan definisi yang terperinci tentang muzium.

Muzium dianggap sebagai penyimpan barang-barang lama tinggalan masa lampau yang mempunyai sejarah dan nilainya tersendiri. Pandangan mengenai istilah muzium sering berubah-ubah selari dengan peredaran masa. Istilah Muzium pada masa sekarang semakin meluas sama ada dari fungsi dan peranannya sehingga pada tahun 1974, pertubuhan UNESCO melalui badan profesional yang dipanggil ICOM telah memberi

definisi yang lebih terperinci berkenaan muzium. Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) mendefinisikan muzium seperti berikut:

“Institut bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan pekembangannya, terbuka kepada umum, memperolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia dan pesekitarannya”.

Secara amnya muzium dipertanggungjawabkan sebagai pemegang amanah warisan negara yang boleh menjadi rujukan kepada masyarakat tentang masa lampau. Selain itu, muzium juga boleh menjadi tempat masyarakat mengenal jati diri serta asal-usul yang telah ditinggalkan oleh zaman nenek moyang kita. Pengetahuan serta persoalan dapat dijawab melalui hasil koleksi serta maklumat yang telah diperolehi yang menjadi koleksi yang bernilai kepada muzium. Selain itu, muzium juga berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan tidak rasmi atau separa formal yang membekalkan sumber dan bahan-bahan yang mampu memberi kefahaman dan menarik minat sama ada yang berkaitan sejarah, sastera, sains atau alam semulajadi.

Pengurusan sesebuah muzium adalah berpandukan kepada dasar-dasar yang ditetapkan dan digerakan di atas landasan struktur organisasi yang serasi dan selari dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Dengan adanya sistem pengurusan yang sistematik, segala gerak kerja dan tugas setiap ahli dan bahagian muzium dapat dizahirkan dengan jelas dan tidak mendatangkan kekeliruan atau percanggahan. Oleh itu, carta organisasi yang menggariskan kehendak program dan aktiviti muzium seperti

pentadbiran, kewangan, penerbitan, editorial, latihan, pusat rekod, arkib, perhubungan awam, pemasaran dan teknologi maklumat diwujudkan. Organisasi ini penting dan boleh dipindah dan dipersetujui dengan keperluan dan perubahan semasa atau pengkhususan skop bidang yang dikendalikan muzium berkenaan.

Apabila mengatakan tentang muzium, kita tidak terlepas mengaitkan muzium dengan objek warisan atau tinggalan. Dalam Pengumpulan objek ini atau lebih dikenali sebagai koleksi, pelbagai kaedah atau penjagaan yang perlu dijalankan bagi memelihara koleksi tersebut dalam keadaan yang baik.

Sir David Wilson dalam buku *Managing conservation in Museums* karya Suzanne Keene (1996) menerangkan muzium yang tidak melakukan sebarang koleksi adalah dikenali sebagai “dead museum” muzium yang mati atau merujuk kepada muzium yang tidak mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tinggi serta tidak memberi sebarang ganjaran ilmu kepada pengunjungnya. Oleh itu, koleksi adalah aspek yang penting dalam menjamin tahap kegemilangan sesebuah muzium tersebut. Apabila adanya koleksi, terdapat pihak pengurusan pula yang menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap koleksi tersebut.

Pengurusan koleksi muzium adalah pengurusan yang terpenting dalam pengendalian koleksi muzium. Kewujudan muzium sebagai khazanah penyimpanan warisan negara tidak akan menjadi realiti tanpa adanya pihak pentadbiran yang mengendali pengurusan koleksi muzium ini.

Pengurusan koleksi muzium mestilah melalui pelbagai peringkat kawalan suhu dan cahaya, pengekalan keaslian dan sebagainya. Dengan adanya kaedah-kaedah ini, pemuliharaan dan ketahanan sesuatu objek itu dapat dikekalkan.

Dalam aspek pemuliharaan koleksi muzium, kaedah dan konsep konservasi merupakan aspek pengurusan yang terpenting dalam pengendalian pengurusan koleksi muzium. Kewujudan muzium sebagai khazanah penyimpanan warisan negara tidak akan menjadi realiti tanpa himpunan koleksi artifak. Koleksi juga memberikan identiti dan populariti sesebuah muzium. Reputasi sesebuah muzium itu banyak bergantung kepada kepentingan koleksi yang dimilikinya dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk memanfaatkan kepada umum seperti teknik-teknik pameran yang digunakan, program interpretasi, pemasaran dan penerbitan mengenainya dalam pelbagai media.

Jabatan Muzium Sarawak merupakan salah sebuah muzium yang terawal dan mempunyai pelbagai bahan koleksi yang menarik dan mempunyai sejarahnya tersendiri. Secara khususnya, Jabatan Muzium Sarawak banyak mempunyai hasil koleksi dan menjadi tempat menyimpan segala dokumen-dokumen serta artifak-artifak seperti barang antik, tugu-tugu peringatan, tapak-tapak warisan budaya, spesimen-spesimen arkeologi, senibina, seni kraf dan barang keagamaan yang dikaitkan dengan tradisi-tradisi serta kepercayaan masyarakat tempatan Sarawak dan Borneo keseluruhannya.

Umum mengetahui pula bahawa Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dan kaya dengan khazanah alam yang bernilai. Bagi memelihara khazanah ini kekal dari segi sejarah dan nilainya, Jabatan Muzium Sarawak memainkan peranan penting dalam tugas ini. Peranan ini dapat dilihat dari segi perolehan bahan tinggalan

sejarah untuk dijadikan koleksi. Oleh itu, pengurusan koleksi Jabatan muzium Sarawak memainkan peranan penting dalam hal ini bagi memperolehi koleksi serta menguruskan hasil koleksi yang diperolehi. Selain itu, ianya dapat menjaga dan memelihara warisan budaya Negara.

1.0.1 Muzium Sarawak

Muzium Sarawak (Bangunan Lama) didirikan dalam tahun 1891 dan diperbesarkan seperti bentuk yang sedia ada dalam tahun 1911. Pada asalnya bangunan ini dibina untuk menyimpan dan memamerkan seni kraftangan masyarakat pribumi tempatan dan koleksi binatang tempatan seperti yang dicadangkan oleh Pakar Alam Semulajadi, Alfred Wallace, yang menjalankan kerja-kerja mengumpul spesimen-spesimen di Negeri Sarawak pada masa tersebut.

Sejak ianya dibina, bangunan ini telah beberapa kali diubahsuai serta diperbaiki. Rekabentuknya yang membujur, 44' x 160', mempunyai dinding dan tiang yang diperbuat daripada batu bata dan beratapkan belian dan konkrit. Ianya dibina mengikut senibina Eropah dengan edifiknya mengikut stail Ratu Anne (Zaman Victoria). Galeri-galeri yang terdapat didalamnya diterangi melalui tingkap yang berbentuk kubah pada bumbung bangunan untuk memberi ruang dinding yang luas.

Semasa zaman pemerintahan Jepun, muzium ini telah diletak di bawah jagaan seorang Pegawai Jepun yang simpati terhadap muzium ini.

Disebabkan itu, tidak banyak kerosakan atau kecurian berlaku. Pada masa ini, dengan perancangan yang teliti dan penjagaan yang rapi, bangunan ini telah dijadikan pusat pameran koleksi sejarah alam semulajadi di Sarawak.

Pada tingkat bawah muzium, tersimpan koleksi alam semulajadi dan spesimen fauna Sarawak seperti reptilia, mamalia, burung dan lain-lain dipamerkan. Pada bahagian barat bangunan muzium ini terdapat pameran Shell - industri petroleum di Sarawak.

Tingkat atas bangunan ini mempamerkan bahan-bahan etnografik seperti model rumah-rumah panjang pelbagai kaum etnik di Sarawak, alat-alat muzik, pelbagai jenis perangkap ikan dan haiwan, kraftangan, model perahu dan lain-lain.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Walaupun institusi permuziuman telah lama wujud di Malaysia, namun aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak muzium kurang diketahui. Lazimnya, hanya mengetahui berkaitan dengan pameran sahaja. Di sebalik itu, terdapat satu pengurusan yang penting institusi permuziuman iaitu pihak pengurusan koleksi muzium. Oleh sebab kurang pendedahan tentang aktiviti pihak muzium ini, pengkaji merasakan terpanggil untuk memperincikan setiap bidang tugas dan dasar yang dijalankan dalam aspek pengurusan koleksi muzium khusus di Jabatan Muzium Sarawak yang menjadi kajian kes pengkaji.

Antara objektif yang pengkaji ingin jalankan adalah:

1.1.1 Mengenalpasti dasar pengurusan koleksi muzium

- 1.1.2 Mengenalpasti dasar pengambilalihan dan kaedah pengambilalihan barang koleksi
- 1.1.3 Meneliti pengumpulan dan penyebaran maklumat koleksi
- 1.1.4 Mengkaji penjagaan dan pengendalian koleksi

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Institusi Muzium di Malaysia tumbuh dan berkembang dengan pesat. Dengan kepesatan pertumbuhan dan perkembangan muzium ini, penambahan dari segi koleksi muzium turut berlaku.


Kebanyakan kegiatan pengurusan koleksi muzium hari ini berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kualiti koleksi yang diperolehi. Setiap muzium berusaha mengembangkan laporan, pengumpulan, rawatan koleksi dan sebagainya. Proses pengurusan koleksi ini tidak hanya merangkumi tinjauan berdasarkan operasi sesebuah muzium tersebut, malahan, mengambil kira keseluruhan operasi muzium yang berkaitan dengan syarat-syarat serantau dan kebangsaan. Selain itu, sumber dan strategi diperlukan bagi mencapai matlamat dalam pengurusan koleksi sesebuah muzium tersebut. Namun begitu, dasar-dasar dan kaedah yang dilakukan dalam pengurusan sesuatu koleksi muzium tidak dikaji maka timbulah pelbagai masalah seperti kurang pengetahuan, kurang kemahiran dan timbul permasalahan yang dihubungkaitkan dengan keperluan semasa menjalankan aktiviti pengurusan koleksi muzium.

Sehubungan ini, struktur dan dasar pengurusan koleksi muzium merupakan suatu perkara penting yang perlu dititik beratkan oleh Institusi Muzium di dalam memastikan aktiviti-aktiviti serta koleksi pemuziuman dapat dilakukan serta diuruskan secara profesional serta mencapai tahap kualiti yang ditetapkan.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat dasar-dasar serta langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan sesuatu koleksi muzium tersebut dari peringkat permulaan perolehan sehingga ke peringkat penyimpanan serta penyebaran.

1.3 RANGKA KERJA TEORITIKAL

Rangka kerja teoritikal dibuat bagi memspesifikasikan lagi segala permasalahan yang cuba dikaji bagi memudahkan proses pencarian dan pengumpulan data yang diperolehi. Selain itu, rangka kerja teoritikal akan digunakan bagi memecahkan setiap bahagian atau permasalahan yang besar menjadi kecil. Dalam kes kajian ini, rangka kerja teoritikal yang pengkaji gunakan adalah;



Rajah 1.1: Rangka Kerja Teoritikal

Pengkaji memilih pengurusan koleksi sebagai aspek kajian kerana koleksi merupakan salah satu nilai dan bidang yang penting dalam kewujudan sesebuah institusi muzium. Sering kali masyarakat mengaitkan muzium dengan hasil koleksi muzium seperti artifak dan bahan-bahan tinggalan sejarah,namun, tiada pengetahuan dan pendedahan dari aspek pengurusan sesuatu koleksi tersebut. Koleksi muzium melambangkan identiti, budaya dan ketamadunan masa lampau. Oleh itu, aspek pengurusan yang teliti harus dilakukan agar dapat mengekalkannya. Dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat menjelaskan dan menghuraikan bidang aspek pengurusan koleksi muzium dan dasar-dasar yang dijalankan.

1.4 BATASAN KAJIAN

Bidang kajian akan lebih menumpukan kepada pengurusan koleksi muzium di mana kajian kes dilakukan di Jabatan Muzium Sarawak. Untuk mencapai matlamat kajian yang telah digariskan, terdapat beberapa aspek kajian yang akan dikaji berdasarkan kepada kemampuan pengkaji dan jangka masa kajian yang terhad. Oleh itu, bidang kajian ini merangkumi empat aspek utama iaitu dasar pengurusan koleksi, maklumat pengurusan koleksi, penjagaan koleksi, rawatan koleksi dan pengendalian koleksi.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara amnya, pengkaji cuba melihat apakah aspek pengurusan dalam menguruskan sesuatu koleksi sesebuah muzium. Daripada apa yang dilihat, hanya segelintir atau sesetengah pihak sahaja yang mengetahui tentang pengurusan koleksi muzium. Jesteru, apa yang dapat dilihat dengan perkembangan teknologi, televisyen, panggung wayang dan internet, budaya dan jati diri melayu tradisional semakin terpinggir. Bagi generasi yang akan datang, mereka mungkin sudah melupakan terus identiti ini jika tiada sebarang usaha dilakukan. Tidak mustahil pada masa depan segala jenis tinggalan nenek moyang dari masa lampau langsung tidak dikenali dan terus pupus. Pengumpulan koleksi melayu dari masa lampau perlu dipergiatkan bagi mengekalkan serta memulihara tinggalan ini. Oleh itu, dengan adanya pengurusan koleksi muzium, segala usaha untuk memelihara serta mengekalkan warisan ini dapat dilaksanakan. Dari sudut yang lebih ilmiah, pengurusan koleksi melihat kepentingannya melalui beberapa aspek :

i) Kepentingan kepada individu

Setiap orang yang berada di negara ini, khususnya Orang Melayu perlu mengetahui kepentingan dan nilai seni warisan ataupun sejarah Negara. Dengan adanya pengururan dari aspek koleksi muzium, setiap orang dapat menilai dan mengetahui nilai sesuatu tinggalan sejarah yang menjadi bahan koleksi muzium di negara ini.

ii) Kepentingan kepada Negara

Dengan adanya pengurusan dan koleksi muzium ini, ia dapat melambangkan identiti negara ini yang mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi yang boleh dilihat melalui koleksi muzium tersebut. Selain itu, dengan adanya pengurusan koleksi muzium ini, ia dapat memulihara warisan negara dan mengetahui perkembangan dan asal-usul melalui penyelidikan yang dilakukan terhadap koleksi yang diperolehi pihak muzium dan seterusnya dapat disebarluaskan kepada luar.

iii) Kepentingan Kepada masyarakat

Melalui kajian ini, ia dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang pentingnya tinggalan sejarah dan boleh menjadi sesuatu yang amat bernilai. Hal ini dapat dilihat melalui nilai sesuatu koleksi muzium tersebut amat terhad dan untuk memperolehinya adalah amat sukar dan jika dinilai

dari sudut harga, sesuatu koleksi muzium tersebut amatlah tinggi nilainya.

Dengan adanya pengurusan koleksi ini, masyarakat dapat melihat lagi budaya dan sejarah masa silam yang boleh menjadi panduan pada masa datang serta dipelihara dan dikembangkan ke peringkat lebih tinggi.

1.6 KEKANGAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji berkemungkinan menghadapi masalah dari segi menjalankan penyelidikan. Antara masalah yang mungkin dihadapi adalah dari segi masa. Pengkaji mempunyai kekangan dari segi masa untuk menjalankan kajian ini kerana pengkaji terikat dengan pengajian sepenuh masa dan tumpuan tidak boleh diberi sepenuhnya kepada penyelidikan ini. Selain itu, pengkaji juga berhadapan dengan pengurusan masa untuk mencari masa yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan kerana tempat atau muzium yang dijadikan kajian kes terletak di Sarawak dan pengkaji hanya mampu menjalankan penyelidikannya pada masa cuti. Sebarang maklumat atau data yang ingin diperolehi hanya mengambil masa yang terhad dan jika terdapat sebarang maklumat atau data yang tidak lengkap, pengkaji berhadapan pengurusan masa untuk pergi semula ke tempat kajian.

Masalah yang berkemungkinan juga pengkaji bakal hadapi adalah dari segi menjalankan temubual dan soal selidik. Masalah ini dilihat dari segi kerjasama yang diberi pihak yang ditemuramah serta keinginan pihak untuk ditemuramah. Terdapat juga pihak yang di temu ramah berasa segan apabila perbualan dirakam dan penyampaian

maklumat yang cuba disampaikannya tidak begitu jelas dan terdapat percanggahan maklumat kerana tahap keyakinan untuk bercakap menurun apabila dirakam.

Daripada sumber atau maklumat kajian pula, pengkaji berhadapan dengan masalah bahasa dimana rujukan yang terdapat dan pengkaji gunakan adalah di dalam bahasa inggeris dan pengkaji membuat penulisan hasil kajian dalam Bahasa Melayu. Di sini timbul masalah bagi pengkaji apabila ingin menterjemahkan bahasa tersebut kerana bahan atau buku rujukan adalah dari luar dan bahasa yang digunakan adalah Bahasa Inggeris dan akademik yang tinggi dan pengkaji sukar untuk menterjemahkannya dan berkemungkinan tersalah tafsiran dan pemahaman pengkaji serta terdapat percanggahan maklumat atau data dari sumber yang asal.

1.7 TERMINOLOGI DALAM KAJIAN

1.7.1 Apa itu koleksi?

“A collection is basically determined by the nature of the value assigned to the object, or ideas possessed. If the predominant value of an object or idea for the person possessing it is intrinsic, i.e., if it is value primarily for use, or purpose, or aesthetically pleasing quality, or other value inherent in the object or accuring to it by whatever circumstances of custom, training, or habit, it is not a collection. If the predominant value is representative or representational, i.e., if said object or idea is valued chiefly for the relation it bears to some other object or idea, or object, or idea, such as being one

of a series, part of a whole, a specimen of a class, then it is the subject of a collection”

(Durost 1932:10)

1.7.2 Apa itu Muzium?

Menurut Corsane (2005), menerangkan definisi yang diambil daripada International Council of Museums (ICOM: 1989) berdasarkan definisi pada tahun 1974 ; muzium boleh didefinisikan sebagai sebuah institusi yang bersifat tetap (bangunan yang tidak akan berpindah). Pembinaan muzium menggunakan bangunan atau tapak yang asal atau khas. Penubuhan muzium bukan untuk mendapatkan keuntungan. Muzium ditubuhkan adalah untuk memberi khidmat dan maklumat kepada masyarakat yang berkaitan dengan permuziuman, perkembangannya terbuka kepada umum iaitu tidak ada halangan kepada masyarakat, memperoleh, menyelidik, memelihara, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pendidikan dan keceriaan, barang-barang pembuktian manusia dan lingkungannya.

"Muzium ialah sebuah institusi yang bukan bertujuan mencari keuntungan, dibuka kepada orang ramai, yang mengumpul, memelihara, menyelidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai bukti-bukti sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi"

(Md. Redzuan Tumin. 1996 m.s. 16)

Menurut UK Association of Museums, muzium didefinisikan sebagai “*an institution which collects, documents, preserves, exhibits and interprets material evidence and associated information for the public benefit*”

(Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 2000).

American Association of Museum (AAM) pula mendefinisikan muzium sebagai “organized as a public or private nonprofit institution, existing on a permanent basis for essentially educational and aesthetic purposes that cares for and owns or uses tangible objects, whether animate or inanimate, and exhibits these on a regular basis, that has at least one professional staff member or the full time equivalent, and is open to the general public on a regular basis...at least 120 days per year”

(Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 2000).

1.8 STRUKTUR DALAM KAJIAN

- **BAB 1**

Di dalam bab 1 ini pengkaji telah menerangkan tentang tajuk kajian yang dijalankan dan ulasan tentang pengenalan, objektif kajian, permasalahan, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, rangka kerja (theoretical framework), kepentingan kajian dan struktur kajian.

- **BAB 2**

Di dalam bab 2 pula, pengkaji menerangkan tentang ulasan kajian yang terdahulu oleh para pengkaji terdahulu yang dijadikan sebagai panduan di dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada artikel-artikel di surat khabar, majalah, penulisan-penulisan ilmiah yang terdapat di perpustakaan tentang pengurusan koleksi muzium.

- **BAB 3**

Dalam bab 3 pula, pengkaji menerangkan tentang kaedah kajian (research methodology) yang dijadikan panduan di dalam kajian tentang pengurusan koleksi muzium. Antara kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti kajian perpustakaan, kajian melalui internet, temubual dan kajian lapangan. Hasil daripada kajian maklumat tersebut akan di analisis oleh pengkaji dan akan dijelaskan dalam penulisan laporan kajian nanti.

- **BAB 4**

Dalam bab 4, pengkaji menerangkan tentang dapatan kajian. Pengkaji akan menerangkan dan memperjelaskan tentang dapatan kajian seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian berkenaan pengurusan koleksi muzium di Jabatan Muzium Sarawak.

- **BAB 5**

Dalam bab 5, pengkaji akan mengulas tentang perbincangan dan cadangan. Di dalam bab ini, pengkaji akan membuat beberapa cadangan dan perbincangan mengenai hasil dapatan kajian mengenai pengurusan koleksi muzium

BAB 2:

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN.

Melalui sorotan kajian, pengkaji telah mengenal pasti kajian-kajian lepas sebagai rujukan dan cadangan kajian yang hendak dilakukan. Pengkaji telah membuat tinjauan perpustakaan bagi mendapatkan buku-buku dan artikel-artikel yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Sorotan kajian ini didapati melalui bahan bacaan seperti jurnal, artikel, buku dan kertas seminar. Sorotan kajian ini dilakukan bagi membuat perbezaan atau membandingkan, menganalisis dan menilai sesuatu kebaikan dan kelemahan sesuatu perkara itu. Hal ini, pengkaji dapat mengukuhkan lagi sesuatu kenyataan yang dirungkai oleh pengkaji. Di dalam bab ini pengkaji telah memasukkan sejarah iaitu sejarah

permuziuman dan perkembangannya sebagai panduan pengkaji bagi melihat perjalanan aktiviti permuziuman. Selain itu, pengkaji juga membincangkan fokus utama kajian iaitu aspek pengurusan koleksi muzium dan aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam pengurusan koleksi muzium.

2.1 MUZIUM

Kajian berkaitan permuziuman sememangnya telah banyak dilakukan sejak dahulu lagi samada di dalam maupun di luar negara. Isu atau perkara yang dikaji merangkumi pelbagai ruang lingkup aspek yang berkaitan seperti aspek penyelidikan, pendidikan, pameran, pengurusan koleksi dan sebagainya.

Institusi pemuziuman telah lama wujud bukan sahaja di Malaysia malah ianya telah wujud di seluruh dunia. Penubuhan Muzium yang pertama di Malaysia bermula sejak tahun 1883 lagi iaitu pada zaman pentadbiran British. Kerajaan British mula menubuhkan Muzium Perak di Taiping. Seterusnya, British menubuhkan Muzium Sarawak di Kuching pada tahun 1888. Negeri Selangor kemudiannya menubuhkan Muzium Selangor pada tahun 1899 (Muzium Negara Malaysia: 2007).

Pada 1989 Kesatuan Muzium Great Britain (MAGB) telah mendefinisikan Muzium dalam bentuk yang lebih mudah untuk difahami. Institusi Muzium ditakrifkan sebagai;

"An institution which collects, documents, preserves, exhibits and interprets material evidence and associated information for public benefit".

Hari ini tidak ramai yang memandang tinggi kewujudan muzium samada di peringkat negara mahupun negeri. Namun ramai perlu sedar bahawa sejarah adalah satu bidang kuasa yang mampu merubah alaf baru. Umum mendefinisikan bahawa muzium adalah suatu tempat yang mempamerkan artifak-artifak lama dan orang mengatakan bahawa muzium adalah sebuah tempat rehat, lawatan atau tempat-tempat untuk bersuka-suka dan beristirehat. Sebilangan pula menganggap bahawa muzium adalah salah satu daripada tempat temujanji di antara kawan-kawan kerana ianya lebih mudah dikenali dan diingati.

Sebenarnya muzium bukanlah sebuah tempat seperti yang disebutkan sebelumnya. Walaupun telah banyak muzium telah didirikan di negara ini namun kegunaan dan fungsinya masih lagi menjadi tanda-tanda sebilangan masyarakat di negara ini.

Perkataan muzium di dalam Bahasa Malaysia sebenarnya dipetik dari perkataan Bahasa Inggeris "Museum" yang juga asalnya dari perkataan Greek Tua "Muse" yang bererti hibur. Di dalam kamus pula menafsirkan muzium seperti berikut:

"A building or pent of one in which are preserved an exhibited objects of permanent interest in one or more of

the arts works , economics and sciences ", atau dengan kata lainnya

bererti sekolah gambar .

Di Malaysia, Muzium pada peringkat awalnya dikenali sebagai 'Sekolah Gambar' kerana selain artifek arkeologi, gambar-gambar bersejarah turut dipamerkan dengan banyaknya di dalam bangunan Muzium.

Sultan Mohammad Zain pula mengatakan di dalam kamus moden Bahasa Malaysia bahawa perkataan muzium itu berasal dari perkataan Latin yang bererti "Rumah Kebudayaan" tetapi di dalam Bahasa Indonesia (kuno) ianya bererti "Rumah Barang-barang Lama". Mengikut pendapat W.S.J Poer Wadarminta di dalam kamus umum Bahasa Indonesia ertinya ialah "tempat menyimpan' dan mempamerkan benda-benda bersejarah dan kesenian. Pendapat T. Iskandar di dalam Kamus Dewan pula mengatakan bahawa muzium adalah tempat menyimpan barang-barang kesenian manakala S.M. Hatta telah mengatakan di dalam rencana pertamanya , muka surat 4 Berita Harian, Bulan Disember 1975 , fungsi dan tujuan susunan ruang bagi Muzium Negeri Sembilan sebagai tempat sejarah.

Menurut Corsane (2005), menerangkan definisi yang diambil daripada International Council of Museums (ICOM: 1989) berdasarkan definisi pada tahun 1974 ; muzium boleh didefinisikan sebagai sebuah institusi yang bersifat tetap (bangunan yang tidak akan berpindah). Pembinaan muzium menggunakan bangunan atau tapak yang asal atau khas. Penubuhan muzium bukan untuk mendapatkan keuntungan. Muzium ditubuhkan adalah untuk memberi khidmat dan maklumat kepada masyarakat yang berkaitan dengan permuziuman, perkembangannya terbuka kepada umum iaitu tidak ada

halangan kepada masyarakat, memperoleh, menyelidik, memulihara, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pendidikan dan keceriaan, barang-barang pembuktian manusia dan lingkungannya.

Selain itu, terdapat beberapa tokoh yang membincangkan definisi muzium ini dari sudut pandangan mereka sendiri. Antaranya adalah;

"Muzium ialah sebuah institusi yang bukan bertujuan mencari keuntungan. dibuka kepada orang ramai. yang mengumpul. memelihara. menyelidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai bukti-bukti sejarah. kebudayaan dan alam semula jadi"

(Md. Redzuan Tumin. 1996 m.s. 16)

Dalam Siri yang sama, Md Redzuan Tumin menyatakan bahawa;

"A museum is a non profit making, permanent institution in the service of society and of its development, and open to the public, which acquires, conserves, communicates and exhibits, for purposes of study, education and enjoyment, material evidence of man and environment."

(Md. Redzuan Tumin, 1996. m.s.15).

Menurut UK Association of Museums, muzium didefinisikan sebagai “*an institution which collects, documents, preserves, exhibits and interprets material evidence and associated information for the public benefit*”

American Association of Museum (AAM) pula mendefinisikan muzium sebagai

“*organized as a public or private non profit institution, existing on a permanent basis for essentially educational and aesthetic purposes that cares for and owns or uses tangible objects, whether animate or inanimate, and exhibits these on a regular basis, that has at least one professional staff member or the full time equivalent, and is open to the general public on a regular basis...at least 120 days per year*”

Secara kesimpulannya, muzium dapat didefinisikan sebagai sebuah institusi atau tempat dibina khas untuk menyimpan atau meletakkan barang-barang sejarah atau yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan. Muzium adalah sebuah bentuk yang paling mudah yang merupakan bangunan untuk menempatkan barang-barang atau benda-benda sebagai bahan pameran untuk tujuan pembelajaran, sebagai bahan yang boleh memberikan kepuasan kepada seseorang. Barang-barang yang dipamerkan merupakan bahan-bahan yang didapati dari pelbagai pelusuk dunia.

2.2 KOLEKSI

Jika memperkatakan tentang muzium, kita tidak dapat mengelak dari membicarakan berkenaan koleksi. Tanpa koleksi maka sesebuah institusi muzium itu tidak mantap. Koleksi merupakan kumpulan barang yang telah dikumpulkan. Koleksi ini merangkumi objek yang boleh disentuh dan dilihat. Bagi sesebuah muzium, koleksi merangkumi koleksi artifak, ekofak, tekstil dan sebagainya yang mempunyai nilainya yang tersendiri.

Di negara lain seperti di Britain, muzium menjadi salah satu tempat yang terkenal dalam kehidupan masa kini mereka . Kebanyakan rakyat di sana mengunjungi muzium ketika dalam waktu santai mereka. Muzium memberi sumbangan yang besar untuk menarik pengunjung-pengunjung luar. Sekolah juga membuat lawatan ke muzium sebagai tambahan kepada sistem pembelajaran. Koleksi muzium yang dihimpunkan adalah boleh menjadi kepercayaan kepada semua. Koleksi yang dihimpunkan oleh pihak sesebuah muzium adalah untuk tujuan keseronokan dan kesedaran melalui pendidikan, sebagai rekod kepada masa lampau dan perbezaan budaya (Suzanne Keene: 1996).

Terdapat pandangan yang menerangkan berkaitan dengan koleksi, pandangan tersebut dibuat oleh Durost dan berbunyi seperti berikut :

“A collection is basically determined by the nature of the value assigned to the object, or ideas possessed. If the predominant value of an object or idea for the person possessing it is intrinsic, i.e., if it is value primarily for use, or purpose, or aesthetically pleasing quality, or other value inherent in the object or accuring to it by whatever

circumstances of custom, training, or habit, it is not a collection. If the predominant value is representative or representational, i.e., if said object or idea is valued chiefly for the relation it bears to some other object or idea, or object, or idea, such as being one of series, part of whole, a specimen of a class then it is the subject of a collection”

(Durost 1932:10)

Setiap koleksi pameran di muzium mempunyai nilainya tersendiri. Bentuk koleksi yang dikumpul sebagai pameran dilengkapi dengan nilai-nilai warisan seperti kebudayaan tradisi, nilai warisan sejarah yang tinggi pada koleksi tersebut dan nilai-nilai kesenian dan estetika. Menyentuh berkaitan koleksi muzium, sering kali mengaitkan sesuatu koleksi tersebut adalah bersifat warisan ataupun tinggalan dari masa lampau. Eirinberg (1992) menyebut warisan berada dalam kesedaran literal iaitu sesuatu yang diwarisi. Beliau menyatakan perkataan warisan sebagai sesuatu yang diwarisi atau pusaka. Warisan merujuk kepada sesuatu warisan yang mempunyai nilai yang mana warisan tersebut telah diwarisi daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

Wright (1985) juga menjelaskan mengenai warisan;

“The interpretative stress on the senses, on the experience of meanings which are vitally incommunicable and undefined may only seem clear an example of what Hermann Glaser once described as the “deadening of thought through mysticising vagueness ”.....a kind of sacrament encountered only in fleeting if well remembered

experiences which go without saying to exactly the extent that they are taken for granted by initiates, by true members of the ancestral nation.”

Warisan kebudayaan juga adalah sebagai harta kebudayaan. Dalam sesetangah kes yang ekstrem, ia bergantung dengan keadaan yang bersesuaian (Eirinberg:1992). Koleksi artifak atau bahan yang dikumpulkan untuk pameran perlu mempunyai nilai warisan kebudayaan yang tinggi seperti pakaian yang dapat melambangkan keadaan sesuatu budaya contohnya baju kurung melambangkan kebudayaan orang Melayu, sari pula digunakan dalam kebanyakan uparaca ritual seperti semasa perkahwinan yang kebanyakannya diamalkan oleh orang India dahulu.

Bentuk koleksi yang dihimpunkan merangkumi warisan sejarah yang merupakan himpunan koleksi barang atau artifak yang diwarisi. Warisan-warisan sejarah yang biasa dipamerkan adalah menjadi bahan sejarah dari turun-temurun atau tinggalan lama di muzium seperti rumah peninggalan pusaka, pedang, keris, pinggan mangkuk masyarakat dulu kala, wang kertas dan syiling dan sebagainya yang mengandungi pelbagai maklumat yang berlatar belakangkan sejarah. Untuk mendapatkan sumber perolehan sesuatu koleksi, institusi muzium perlu membuat objektif dan skop keperluan koleksi yang diperlukan. Kaedah dan cara mendapatkan koleksi adalah perkara yang paling penting dalam mendapatkan sesuatu koleksi. Ini bagi menjaga hak dan batasan ke atas bahan yang bakal dipamerkan (Corsane: 2005). Perolehan bagi sesuatu koleksi akan dilihat daripada dua segi iaitu material dan non-material. Warisan sejarah biasanya bersifat material seperti alatan senjata yang pada kebiasaanya dapat dilihat.

Setiap koleksi yang dipamerkan bukan bertujuan sebagai bahan hiasan tetapi koleksi yang dipamerkan kepada para pelawat adalah bertujuan memberi pengetahuan dalam pendidikan supaya mereka dapat menggambarkan keadaan sejarah pada masa lampau dan mengetahui asal-usul kejadian mereka. Oleh itu, setiap bahan pameran perlu dilengkapi dengan nilai-nilai moraliti, nilai-nilai estetika dan kesenian. Ini supaya para pelawat tidak jemu dan dapat menghayati himpunan koleksi yang dipamerkan.

Pertumbuhan dalam koleksi himpunan muzium adalah selari dengan setiap pertambahan yang berlaku. Sir David Wilson dalam buku *Managing conservation in Museums* karya Suzanne Keene (1996) menerangkan muzium yang tidak melakukan sebarang koleksi adalah dikenali sebagai “dead museum” muzium yang mati atau merujuk kepada muzium yang tidak mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tinggi serta tidak memberi sebarang ganjaran ilmu kepada pengunjungnya

Kewujudan muzium sebagai khazanah penyimpanan warisan negara tidak akan menjadi realiti tanpa himpunan koleksi artifak. Koleksi juga memberikan identiti dan populariti sesebuah muzium. Reputasi sesebuah muzium itu banyak bergantung kepada kepentingan koleksi yang dimilikinya dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk memanfaatkan kepada umum seperti teknik-teknik pameran yang digunakan, program interpretasi, pemasaran dan penerbitan mengenainya dalam pelbagai media.

2.3 PENGURUSAN KOLEKSI

Dengan adanya koleksi terdapat satu sistem pengurusan koleksi tersebut. Dalam institusi permuziuman, pengurusan koleksi adalah salah satu pihak pengurusan yang amat penting bagi memelihara dan memantapkan institusi permuziuman tersebut. Tanpa adanya koleksi, sesebuah institusi permuziuman tersebut tidak akan kukuh.

Dalam kajian terperinci mengenai perancangan sesebuah muzium iaitu kajian kes pada Muzium Sains oleh Haslina Binti A. Shukor. Beliau menyatakan bahawa sungguhpun pengurusan koleksi muzium telah diselaraskan dengan panduan kaedah-kaedah permuziuman antarabangsa dan tatacara pengurusan stor Perbendaharaan, tetapi masih terdapat kelemahan-kelemahan yang menonjol. Di antaranya ialah sistem pendokumentasian yang tidak lengkap dan sukar untuk mengesan jumlah simpanan stok, Bilik-bilik dan kabinet tempat menyimpan koleksi juga tidak sesuai dan menyulitkan bagi penyelidik untuk menjalankan tugas. "House Keeping" bagi memelihara artifek juga tidak dapat dilaksanakan mengikut peraturan "Museum Conservation" dan makmal yang bersesuaian bagi merawat artifak masih belum dapat diwujudkan. Satu dasar khas seperti dasar koleksi, dasar pemeliharaan, dasar pinjaman, polisi insuran dan dasar-dasar lain yang bersesuaian masih belum dapat digubal untuk dijadikan garis panduan dalam hal pengurusan koleksi. Kelemahan-kelemahan ini telah menimbulkan banyak masalah dalam aspek pengurusan koleksi muzium yang tidak mungkin dapat di atasi dalam jangkamasa yang singkat. (*Haslina Bt. A. Shukor, diploma senibina UITM sesi Julai - Disember 1990*).

Menurut *Anne Fahy*(1995), di dalam buku bertajuk “*Collection Management*”, Pengurusan koleksi adalah salah satu istilah yang dipanggil “blanket term” yang diterapkan dalam rawatan fizikal dan domentrasikan koleksi. Oleh kerana istilah ini terlalu luas, ia merupakan cara yang berkesan yang merangkumi pelbagai kegiatan yang mungkin nampak berbeza pada sesuatu masa.

Apa yang mempunyai persamaan adalah dari tujuan memelihara koleksi dan maklumat yang saling berkaitan dari segi kemerosotan, kecurian dan kemuksahan, dan membenarkan akses secara fizikal dan intelektual ke atas sesuatu objek yang menjadi koleksi. kegiatan tersebut bukanlah sesuatu kegiatan yang baru dan telah terbentuk sebahagian daripada rawatan asas kuratorial selama bertahun-tahun. (*Anne Fahy*,1995;2)

Selain itu, di dalam penulisan tersebut juga, *Anne Fahy* turut menyatakan bahawa bidang pengurusan koleksi telah sering dianggap sebagai aspek pekerjaan dasar dari hari ke hari yang sangat praktikal. Namun, sesuatu yang penting untuk disedari bahawa pemahaman tentang prinsip-prinsip pengurusan koleksi adalah sangat penting bagi perkembangan yang baik. Tanpa sebarang pengetahuan tentang pembangunan budaya sesuatu koleksi, tidak mungkin untuk kita membina suatu cara atau dimensi dalam pembangunan koleksi dan memahami peranan muzium dalam masyarakat moden. (*Anne Fahy*,1995;2).

2.4 POLISI PENGURUSAN KOLEKSI

Pengurusan koleksi muzium perlu diurus berasaskan rangka kerja polisi yang jelas dan berstruktur. Polisi pengurusan koleksi perlu digubal dengan mengambil kira polisi yang lebih meluas dan keperluan koleksi perlu melambangkan tujuan dan objektif serta kenyataannya.

Polisi akan mengambarkan secara spesifik, bila, dimana, untuk siapa dan oleh siapa potensi keseluruhan pengurusan koleksi muzium menjadi kenyataan. Polisi pengurusan koleksi dapat dilaksanakan jika kakitangan muzium menyokong dan menyumbang kepada tujuan dan objektif yang dinyatakan dalam polisi. Oleh itu, polisi perlu digubal untuk kegunaan bersama secara meluas apabila diterbitkan. Melalui cara ini, falsafah, idea, konsep dan tujuan perlaksanaan dan perkembangan menjadi jelas dan difahami secara menyeluruh dan diperakui serta boleh digunakan secara berkesan.

Berdasarkan hasil tulisan Anne Fahy dalam Buku “Collection management” dalam sub topik “collection management policies”, dasar pengurusan koleksi adalah kenyataan bertulis terperinci yang menjelaskan mengapa sebuah muzium itu mempunyai pengurusan dan bagaimana ia menjalankan proses perniagaan, dan menyatakan taraf profesional muzium dalam rawatan sesuatu objek. Dasar ini berfungsi sebagai panduan bagi kakitangan dan sumber maklumat kepada masyarakat. Dalam pengurusan koleksi, sesebuah dasar pengurusan koleksi merangkumi;

- i. Tujuan Muzium dan tujuan koleksi
- ii. Kaedah mendapatkan objek untuk dijadikan sebagai koleksi

- iii. Kaedah membuang atau menyingkirkan sesuatu objek dari bahan koleksi
- iv. Dasar masuk dan keluar pinjaman koleksi
- v. Pengendalian objek dibawah jagaan Muzium
- vi. Mendapatkan maklumat berkaitan objek yang dijadikan koleksi
- vii. Tatacara insurans berkaitan dengan objek-objek yang dijadikan koleksi
- viii. Maklumat yang disimpan berkaitan dengan aktiviti pengumpulan, bila maklumat ini perlu dibuat, dan dimana maklumat ini harus disimpan atau dikekalkan.

(Collection management, Anne Fahy,1995;11&12)

Selain itu, di dalam buku tersebut juga turut menyatakan bahawa sesuatu dasar tersebut harus menyatakan secara jelas prosedur yang harus diikuti, seperti siapa yang membuat keputusan akhir, apa proses maklumat yang harus dibuat, bila maklumat tersebut dibuat dan oleh siapa, dan bila jenis dan nilai sesuatu objek yang sedang dibawah pertimbangan mungkin direncanakan pencegahan tambahan seperti tahap yang lebih tinggi dari biasa diperlukan dan keperluan semasa melakukan penilaian luar.

(Collection management, Anne Fahy,1995;15)

2.5 KONSERVASI

Kaedah dan konsep konservasi merupakan aspek pengurusan yang terpenting dalam pengendalian pengurusan koleksi muzium. Kewujudan muzium sebagai khazanah penyimpanan warisan negara tidak akan menjadi realiti tanpa himpunan koleksi artifak. Koleksi juga memberikan identiti dan populariti sesebuah muzium. Reputasi sesebuah muzium itu banyak bergantung kepada kepentingan koleksi yang dimilikinya dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk memanfaatkan kepada umum seperti teknik-teknik pameran yang digunakan, program interpretasi, pemasaran dan penerbitan mengenainya dalam pelbagai media. Kesemua kaedah-kaedah ini merupakan aspek terpenting dalam aspek pengurusan koleksi muzium.

Muzium, arkib dan galeri mempunyai obligasi utama dan mempunyai etika untuk menjaga dan memastikan koleksi, sama ada yang baru diperolehi atau koleksi lama yang sedia, berada dalam keadaan terjaga dengan baik melalui sistem penyimpanan yang teratur serta penggunaan teknik konservasi yang sesuai agar koleksi tersebut dapat dimanfaatkan oleh generasi kemudian. Falsafah simpanan koleksi adalah untuk mengurang atau memanimakan proses penuaan, kelunturan, kemuatan dan kerosakan.

Konservasi berasal dari kata “Conservation” yang terdiri atas kata con (together) dan servare (keep/save) yang memiliki pengertian mengenai upaya memelihara apa yang kita punya (keep/save what you have), namun secara bijaksana (wise use). Idea ini dikemukakan oleh Theodore Roosevelt (1902) yang merupakan orang Amerika pertama yang mengemukakan tentang konsep konservasi.

Sedangkan menurut Rijksen (1981), konservasi merupakan suatu bentuk evolusi budaya di mana pada saat dulu, keupayaan konservasi lebih buruk daripada saat sekarang. Konservasi juga dapat dipandang dari segi ekonomi dan ekologi di mana konservasi dari segi ekonomi bererti mencuba mengalokasikan sumber daya alam untuk sekarang, sedangkan dari segi ekologi, konservasi merupakan alokasi(peruntukkan) sumberdaya alam untuk sekarang dan masa yang akan datang.


2.6 KESIMPULAN

Hari ini tidak ramai yang memandang tinggi kewujudan muzium samada di peringkat negara mahupun negeri. Namun ramai perlu sedar bahawa sejarah adalah satu bidang kuasa yang mampu merubah alaf baru. Di dalam permuziuman terdapat banyak bidang yang boleh dikongsikan bersama. Pengumpulan, penyelidikan, pemuliharaan, pemeliharaan, pendokumentasian, pendokumentari, pengawetan dan yang paling utama adalah pengurusan koleksi. apabila semua ini bergabung menjadi satu ia akan kelihatan satu kompleks yang cukup teguh dan padu. Tetapi jika bidang tersebut dilerakan, ia akan menampakkan suatu kekurangan yang terlalu ketara dan tidak memberi keyakinan kepada sesiapa sahaja untuk mendekatinya. Pengurusan koleksi adalah sebahagian daripada kekuatan untuk bidang permuziuman kerana tanpa pengurusan koleksi segala aktiviti muzium akan mati kerana sesebuah muzium tersebut bergantung dengan koleksinya untuk memantapkan lagi institusi permuziuman itu.Hal ini kerana, muzium tanpa koleksi adalah dikenali sebagai “dead museum”, muzium yang mati atau merujuk kepada muzium yang tidak mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tinggi serta tidak memberi sebarang ganjaran ilmu kepada pengunjungnya.

BAB 3:**KAEDAH KAJIAN****3.0 Pengenalan**

Bab ini akan menyentuh tentang kaedah yang digunakan untuk mengumpul data kaedah pengurusan koleksi di Jabatan Muzium Negeri Sarawak. Pelbagai pendekatan telah digunakan bagi melihat aspek pengurusan koleksi di Jabatan Muzium ini.

Seterusnya fokus bab ini akan membincangkan tentang aspek-aspek yang berkaitan dalam kajian yang dilakukan dengan menggunakan kerangka teoritikal, kaedah pengumpulan data dan analisis data.



Rajah 3.1 : Kaedah pengumpulan dan analisis data

Metodologi penyelidikan memberi panduan dalam perlaksanaan penyelidikan (Azizi Yahya, Shahrin Hasyim, 2007). Metodologi kajian merupakan kaedah atau cara yang digunakan di dalam sesuatu kajian yang mana boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah kajian lapangan. Pengkaji menggunakan kedua-dua kaedah tersebut. Melalui kaedah ini, pengumpulan data primer diperolehi melalui sumber-sumber yang telah direkodkan atau yang telah didokumentasikan. Antara sumber-sumber dokumentasi atau rekod yang telah digunakan ialah seperti teks, risalah dan laman web. Manakala kaedah perpustakaan pula juga digunakan bertujuan untuk mencari sumber-sumber atau maklumat-maklumat bagi menyokong data. Sebelum penyelidikan dilaksanakan pengkaji telah mengenalpasti beberapa aspek penting perlu dilakukan atau difikirkan dahulu sebelum proses penyelidikan dimulakan. Antaranya

adalah menetapkan pemilihan kawasan kajian dan telah menemuramah pegawai atau kurator Jabatan Muzium Negeri Sarawak.

3.1 LOKASI KAJIAN

Dalam menjalankan penyelidikan ini pengkaji telah menetapkan lokasi atau muzium yang dikenalpasti untuk melengkapkan kajian yang dilakukan. Muzium yang dipilih adalah salah sebuah muzium terawal di Malaysia iaitu Muzium Sarawak. Muzium ini terletak di Bandaraya Kuching, Negeri Sarawak. Pemilihan muzium ini sebagai subjek kajian dalam pengurusan koleksi muzium adalah disebabkan muzium ini merupakan salah sebuah muzium yang mempunyai koleksi yang menarik dan pelbagai serta sistem pengurusan koleksi yang berpengalaman dan sistematik.



Rajah 3.2 : Kedudukan Bandaraya Kuching




Rajah 3.3 : Muzium Sarawak

3.2 KERANGKA TEORITIKAL

Dalam kajian ini kerangka teoritikal digunakan bagi memudahkan pengkaji memspesifikasikan lagi segala permasalahan yang cuba dikaji supaya proses pencarian dan pengumpulan data mudah diperolehi. Selain itu, kerangka teoritikal ini juga digunakan bagi memecahkan setiap bahagian atau permasalahan yang besar menjadi kecil. Dalam kes kajian ini, kerangka teoritikal yang pengkaji gunakan adalah;

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 3.4 : Kerangka kerja teoritikal

Dalam kerangka ini, dua komponen utama yang mendasari kerangka ini adalah;

- Sebagai suatu kerangka yang membawa kepada pemahaman kepada aspek-aspek pengurusan koleksi muzium yang kompleks.
- Sebagai suatu panduan asas yang membantu para pengkaji atau orang perseorangan mengetahui dan mempelajari aspek pengurusan koleksi muzium.

Melalui rangka kerja ini, kajian ini cuba menunjukkan bahawa struktur dan dasar pengurusan koleksi muzium merupakan suatu perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam memastikan aktiviti-aktiviti serta koleksi permuziuman dapat dilaksanakan dan diuruskan secara profesional serta mencapai tahap kualiti yang ditetapkan.

Rangka kerja ini dapat memberi gambaran secara jelas tentang aspek kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

3.3 KADEAH PENGUMPULAN DATA

Bagi tujuan mengenalpasti aspek pengurusan koleksi muzium, pengkaji telah mengenalpasti dua sumber data utama iaitu;

3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang didapatkan dari sumber asli . Antara teknik yang digunakan untuk mendapatkan data primer adalah soal selidik, kaedah temubual, tinjauan, kajian lapangan dan pemerhatian. Hasil dapatan daripada kaedah ini dikategorikan sebagai data primer adalah kerana pengkaji terlibat secara langsung dengan pemasalahan yang dikaji. Kaedah perolehan data primer sememangnya berbeza dengan perolehan data sekunder kerana perolehan data primer adalah kaedah penyelidikan yang berfokus kepada tinjauan, kerja lapangan serta penglibatan dan pengamatan pengkaji sendiri terhadap fenomena atau isu yang dikaji. Dalam kajian kes ini, kaedah yang dapat dilihat yang digunakan oleh pengkaji adalah;

- Kaedah Temubual**

Salah satu kaedah pengumpulan maklumat dalam tinjauan adalah kaedah temubual. Antara langkah perlaksanannya yang pengkaji gunakan adalah dengan cara temu bual secara lisan dan ia telah direkod oleh

pengkaji secara bertulis. Selain daripada temubual secara lisan, Antara soalan yang ditanya oleh pengkaji adalah berkaitan dasar pengurusan koleksi muzium Negeri Sarawak, kaedah perolehan koleksi, aspek pengurusan dari peringkat perolehan koleksi sehingga dari penyebaran, penyimpanan dan pameran koleksi tersebut. Pengkaji turut juga menjalankan temubual secara dalam talian telefon. Kaedah ini digunakan apabila terdapat percanggahan maklumat ataupun terdapat data yang tidak lengkap semasa temubual secara lisan dijalankan. Dalam melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menemurah pegawai-pegawai muzium yang pakar atau mahir dalam bidang pengurusan koleksi muzium. Dari aspek pengurusan koleksi muzium, pengkaji telah menemubual Encik Tazudin Bin Mohtar yang merupakan Penolong Pengarah, Kurator di Bahagian Pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Selain itu, pengkaji juga turut menemubual Encik Iswandi Bin Haji Junaidi iaitu penolong pengarah, kurator di Bahagian konservasi Jabatan Muzium Sarawak.

• **Kajian lapangan dan pemerhatian**

Kajian lapangan dijalankan iaitu melalui tinjauan dan pemerhatian yang di lakukan pengkaji di Jabatan Muzium Negeri Sarawak. Tinjauan dan pemerhatian ini dilakukan melalui aspek kajian kaedah penjagaan dan rawatan koleksi muzium. Dalam membuat pemerhatian dan tinjauan, pengkaji juga turut membuat interpretasi tentang skop

kajian yang dilakukan. Dalam kaedah ini, skop kajian pengkaji adalah lebih tertumpu pada teknik konservasi koleksi yang dijalankan oleh Jabatan Muzium Sarawak. Dalam hal ini, pengkaji memilih beberapa subjek atau bahan koleksi untuk dijadikan bahan kajian.

3.3.2 Data Sekunder

Perolehan data sekunder pula adalah dengan kaedah mencari segala aspek yang berkenaan dan relevan dengan kes kajian yang dikaji berdasarkan buku, jurnal, artikel, bahan-bahan rujukan serta penulisan. Kaedah ini juga diklasifikasikan sebagai kajian perpustakaan. Dalam kajian kes ini, kaedah yang dapat dilihat yang digunakan oleh pengkaji adalah;

- Kajian Perpustakaan**

Dalam peringkat ini, pengkaji melakukan penelitian ke atas buku-buku yang memiliki data-data yang relevan dengan tajuk yang dikaji. Sorotan kajian yang telah dilakukan juga menggunakan kaedah kajian perpustakaan bagi mendapatkan dapatan kajian yang terdahulu untuk menambahkan hujah-hujah yang diberikan. Kaedah yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah kaedah utama bagi mendapatkan maklumat mengenai aspek pengurusan koleksi muzium. Kajian perpustakaan yang dibuat oleh pengkaji adalah dengan mendapatkan maklumat mengenai aspek pengurusan muzium dan isu-isu terkini yang berkenaan dengan subjek kajian. Beberapa buku yang telah diguna

pakai oleh pengkaji adalah “Collection management” hasil tulisan Anne Fahy, “Care Of Collection” tulisan Simon Knell, “Museum Management and Marketing” tulisan Richard Sandell dan Robert R. Janes serta beberapa lagi buku yang berkaitan.

- **Kajian Internet**

Pengkaji telah mendapatkan beberapa maklumat untuk menghubungi Jabatan Muzium Sarawak menggunakan laman sesawang muzium tersebut. Pengkaji telah melayari laman sesawang Jabatan Muzium Negeri Sarawak bagi medapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian kes serta berhubung dengan pihak muzium.

3.4 ANALISIS DATA

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data jenis kualitatif. Analisis jenis ini sesuai untuk menerangkan segala data atau membuat penulisan semula segala soalan yang telah ditemuramah. Segala soalan atau data yang diperolehi akan dihuraikan melalui penulisan semula dalam kajian ini. Jadi, analisis secara deskriptif digunakan untuk menjelaskan, menghuraikan dan membuat penulisan semula segala maklumat dan data yang telah diperolehi.

3.5 PENUTUP

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji pengkaji telah menerangkan secara gambaran awal tentang kaedah-kaedah yang digunakan untuk dalam menjayakan kajian ini. Pengkaji juga menerangkan sedikit sebanyak tentang latar belakang tempat kajian yang dikaji bagi memudahkan pengkaji membataskan kajian yang dilakukan. Selain itu, dalam bab ini juga menunjukkan bahawa terdapatnya model bagi kajian ini untuk memenuhi kehendak kajian itu sendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4:

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan tentang hasil dapatan kajian dan akan mengupas secara lebih terperinci mengenai hasil kajian yang telah diperolehi. Selain itu juga, dalam bab ini pengkaji akan memasukkan elemen berkaitan dengan objektif utama kajian ini iaitu mengkaji aspek pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Pengkaji tertarik untuk mengkaji aspek pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah kerana Jabatan Muzium Sarawak merupakan salah sebuah muzium yang terawal

ditubuhkan yakni mempunyai banyak jenis koleksi yang menarik yang memerlukan aspek pengurusan yang teliti dan sistematik. Secara ringkasnya, terdapat empat aspek atau elemen utama yang akan dikupas dalam bab ini ialah :

1. Mengenalpasti dasar pengurusan koleksi muzium
2. Mengenalpasti dasar pengambilalihan dan kaedah pengambilalihan barang koleksi
3. Meneliti pengumpulan dan penyebaran maklumat koleksi
4. Mengkaji penjagaan dan pengendalian koleksi

4.1 Sejarah dan Rasional Penubuhan Muzium Sarawak

Muzium Sarawak merupakan salah satu penubuhan dan operasi sains dan budaya institusi British yang tidak ketara pada zaman Empayar Bristish. Muzium Sarawak ditubuhkan pada tahun 1856 oleh Raja pertama Sarawak, Sir James Brooke, manakala pembangunannya dalam menjadi muzium sejarah ke peringkat antarabangsa adalah sebahagian besarnya atas sokongan Raja kedua dan ketiga Sarawak, Sir Charles Brooke dan anaknya, Sir Vyner Brooke. Kedua-dua Raja ini bertanggungjawab dalam mengeluarkan dekri penubuhkan muzium, menyediakan dana muzium dan memilih kurator yang berkelayakan, menentukan elemen pembangunan muzium tanpa campur tangan sama ada lembaga pemegang amanah atau penjawat awam di Sarawak. Muzium ini juga berfungsi sebagai pusat budaya yang menggabungkan banyak aktiviti bukan muzium dan hiburan awam.

Hasil dari penubuhan, Muzium Sarawak telah dikemukakan kepada dunia sebagai Muzium asli dan etnologi Borneo, walaupun pengumpulan dan penyelidikan etnologi adalah terhad kepada kawasan geografi yang terletak di sekitarnya yang mana salah satu daripada lima pulau di Borneo dan termasuk Sarawak dan Gunung Kinabalu. Borneo adalah penting untuk memahami sains semula jadi barat kerana kekayaan dan keunikan flora dan fauna yang telah diiktiraf oleh ahli-ahli sains Eropah yang terkemuka, seperti Charles Hose dan Alfred Wallace, yang mana koleksi alam semula jadi sejarah borneo menjadi tarikan untuk diterokai oleh muzium barat. Tuntutan oleh kurator Muzium Sarawak untuk menjadikan Muzium Sarawak sebagai pusat penyelidikan saintifik Borneo kekal sah manakala muzium tertumpu kepada klasifikasi sejarah semula jadi, tetapi tuntutan ekologi dan sains baru selepas pada tahun 1920-an tidak lagi dapat dipertahankan. Kurator Muzium Sarawak merupakan salah seorang saintis di Borneo yang menerbitkan kertas-kertas saintifik di Borneo dan sistem pengumpulan yang sistematik , ditukar dan didermakan spesimen sejarah semula jadi kepada Muzium barat. Seorang ahli Saintis, Ducth, melakukan kerja-kerja yang sama di dalam wilayah yang besar Borneo dan koleksi mereka telah dimasukkan ke dalam muzium sejarah tempatan di Batavia, Jawa atau koleksi sains negara yang ditempatkan di Leyden, Belanda. Dengan menyekat bahan saintifik Borneo kepada muzium sendiri dan tidak membuat terjemahan ke dalam Bahasa Inggeris yang disediakan dalam penyelidikan mereka di Borneo sehingga tahun 1920-an dan 1930-an ahli-ahli sains Belanda kehilangan hak terhadap Muzium Sarawak daripada pengiktirafan antarabangsa sebagai Muzium Sains Borneo.

Semasa pemerintahan Brooke, dua muzium lain dibuka di Borneo, salah satunya adalah muzium kesihatan awam pada tahun 1929 di Kuching Sarawak, dan satu muzium

di Sandakan, yang pada mulanya beroperasi sebagai sejarah semula jadi dan ethnografi pada tahun 1895 -1905 dan kemudian telah kembali dibuka pada tahun 1925 sebagai muzium ethnografi. Kegemilangan Muzium Sarawak sebagai muzium utama orang ramai mengenali sejarah semulajadi Borneo bergantung kepada dana awam yang besar dan sokongan oleh golongan elit pemerintah tempatan British, kurator profesional, sistem pengumpulan lapangan yang sistematik ,pengumpulan koleksi yang sistematik dan perihal baru dan jarang berlaku pada sesebuah sejarah (dengan sokongan pakar-pakar barat), dan penerbitan jurnal akademik Muzium Sarawak iaitu jurnal-jurnal yang berkaitan dengan bidang-bidang saintifik Borneo.

Operasi saintifik dan museological Muzium Sarawak telah dipengaruhi oleh perkembangan disiplin saintifik barat Barat dalam sejarah semula jadi, etnologi dan antropologi, dan teori muzium Barat dan amalan yang digalakkan oleh Persatuan Muzium British (BMA) di seluruh negara-negara Empayar British. Dari semasa ke semasa, Muzium Sarawak telah dimasukkan ke dalam BMA pada tahun 1913. Kurator menerima beberapa amalan muzium yang dibincangkan pada persidangan tahunan BMA dan dalam jurnal muzium. Pengecualian utama dalam persidangan ini adalah kegagalan kurator Muzium Sarawak dalam menggabungkan peranan pendidikan dan fungsi perpustakaan awam ke dalam operasi muzium yang mencerminkan realiti sosial, politik dan ekonomi negara Asia yang diperintah secara autokratik oleh keluarga Inggeris dengan sokongan ketenteraan Kerajaan British.

Idea membina sebuah muzium di Sarawak mula-mula diilhamkan oleh Sir James Brooke bersama rakannya, Alfred Russel Wallace, bersama dengan Charles

Darwin yang merupakan pengasas bersama evolusi teori moden. Wallace tiba di Sarawak pada 1 November 1854 dan selama empat belas bulan dia menghabiskan masa di negara ini (kembali ke Negara asal pada 12 Januari tahun 1856). Dia merupakan seorang tetamu di raja di istana di Kuching, Astana dan rumahnya terletak di Santubong iaitu di pantai dan di atas bukit Peninjua. Wallace mengekalkan persahabatan yang rapat dengan Sir James di England, yang bersama beliau di estet di Devonshire dan mesyuarat pembiutang kewangan dan dermawan, Miss Angela Burdett-Coutts. Di samping itu, dalam berkongsi kepentingan dalam sejarah semulajadi dan etnologi Sarawak, Wallace menawarkan Sarawak di dalam penerbitannya.

Semasa lawatan tunggal ke Sarawak Wallace membahaskan isu-isu sosial, politik dan agama dengan Sir James dan anak saudaranya dan pengantinya, Charles Brooke, ketika beliau melawat mereka di peninjua. Setiausaha Sir James , Spenser St John menyatakan bahawa perbincangan menjadi cepat dan lancar apabila Charles Brooke hadir kerana Charles "penuh dengan tanggapan yang kasar, keputusan bacaan yang lebih dilaksanakan, tetapi dapat mempertahankan pemikiran dengan bijak, sopan dan berhemah".Hanya memiliki pendidikan "tidak lengkap" dan tanpa keghairahan mengumpul daripada bapa saudaranya, namun Charles Brooke suka akan kecantikan asli semulajadi di Sarawak dan kembali untuk menubuhkan satu muzium sejarah semula jadi yang terbaik di Asia dengan bantuan penasihat-penasihat seperti Wallace, dan naturalis Amerika serta pengumpul haiwan profesional, Mr WT Hornaday, yang mencadangkan kepada Sir Charles pada tahun 1878 bahawa muzium mengehadkan dirinya kepada sejarah semulajadi dan etnologi Borneo.

Penubuhan muzium di Sarawak semasa pemerintahan Sir James Brooke memberi manfaat kepadanya bagi mencapai tujuan beliau iaitu dengan menonjolkan kepentingan sains dan perdagangan Borneo dan berkemungkinan dapat membantu untuk mengurangkan kritikan terhadap dirinya oleh akhbar British dan sesetengah ahli-ahli Parlimen British bahawa dia adalah hanya seorang pengembala yang pentingkan diri .

Penangguhan penubuhan muzium ini mencerminkan masalah kewangan dan politik yang dihadapi oleh pemerintahan Brooke di Sarawak. Hal ini menimbulkan kemarahan Sir Charles Brooke terhadap campur tangan daripada penyokong kewangan seperti Miss Burdett-Coutts secara peribadi menolak pengiktirafan anak Sir James , George, dan berpihak dengan Sir James apabila pengganti beliau tidak wajar dicalonkan dan Abang sulung Charles , Kapten Brooke Johnson Brooke. Pada 1872 Burdett Coutts yang berbaki pada Sarawak telah dilupuskan dan tiada lagi campur tangan dalam hal ehwal Sarawak.

Kecewa dengan Kerajaan British apabila Sir James menyerahkan Sarawak kepada Miss Burdett-Coutts pada Disember 1862, dan ia tidak bertahan sehingga 1888 Britain yang mengambil alih pemerintahan Sarawak, bersama-sama dengan Brunei dan Borneo Utara ,di mana terlatak di bawah naungan kawalan pentadbiran yang diketuai Gabenor negeri-negeri Selat (Governor of the Strait Settlements).

Pada tahun 1878, pembukaan Muzium Raffles di Singapura mendorong Sir Charles Brooke untuk mengumumkan dengan lebih awal dalam Warta Sarawak pada Mac 1878 dalam hasrat beliau untuk menu buhkan sebuah muzium di Kuching dan meminta pentadbir awam Eropah untuk mengumpul dan memperkenalkan spesimen sejarah semula

jadi dan ethnografi kepada setiausaha sulit beliau, RV Awdrey. Tidak lama selepas itu skim untuk menubuhkan muzium jatuh ke dalam “abeyance” dan idea itu tidak dilahirkan semula sehingga 1886 dengan pembelian koleksi etnografi penting Sarawak daripada Hugh Brooke Low . Sir Charles menyatakan sebab untuk menubuhkan sebuah muzium di Sarawak pada majlis perasmian bangunan muzium baru pada 4 Ogos tahun 1891 sebagai keperluan untuk "setiap negara yang layak dipanggil negara....mempunyai muzium". Sejak beberapa tahun kebelakangan itu muzium telah mempunyai kaedah baru dalam penyimpanan dan paparan untuk menampung bilangan koleksi yang semakin meningkat yang diperolehi sama ada melalui penemuan atau yang didermakan .Bantuan kewangan yang terus-menerus dan sokongan politik yang diberikan kepada muzium oleh Sir Charles dan anaknya dan penggantinya, Sir Vyner Brooke, membolehkan pihak muzium memperbesarkan dan menaik taraf muzium sebagai salah satu badan yang mempunyai koleksi sejarah semulajadi dan ethnografi Borneo yang paling banyak di dunia. Muzium ini juga pernah menjadi sebagai pusat repositori memori empayar Brooke dan perjanjian ditandatangani dengan raja-raja Melayu, sebagai bukti nyata di bawah kuasa Melayu Sarawak bahawa hak Brooke memerintah Sarawak.

Sir Charles telah menawarkan nasihat daripada seorang pakar sains, muzium professional dan firma muzium yang terletak di England supaya Muzium Sarawak di buka bangunan sementara di tingkat atas Bazaar Negeri di Kuching pada 30 oktober 1886. Pakar alam semula jadi dari Muzium Kensington (kemudian, Muzium sejarah alam semula jadi British),yang dikenali sebagai Mr. Jerrard, menasihati Sir Charles supaya perancangan secara perlahan-lahan manakala Alfred Wallace mencadangkan Robert Shelford sebagai kurator pada tahun 1896. Para penasihat ini memainkan peranan

yang penting dalam Sir Charles mengarahkan Abangnya Charles Hose's, Ernest untuk mengumpul spesimen haiwan Borneo dan dihantarkan kepada Sir Jerrard. Kembalinya beliau ke Sarawak, hasil spesimen yang diperolehi telah dipamerkan dengan menggunakan kaedah persembahan English iaitu susun atur "Taxonomic" yang mempunyai persamaan yang digunakan di Muzium Selatan Kensington.

Muzium Sarawak yang baru telah siap pada tahun 1891 yang terletak di sebuah taman di Bandaraya Kuching. Daripada pembinaan Muzium Sarawak yang baru ini, Wallace percaya bahawa dengan adanya ruang yang besar ianya dapat membantu dalam proses pembelajaran pelawat dengan memberi mereka peluang untuk berehat di taman semasa lawatan. Penyimpanan dan pameran dalam bekas kaca dapat melindungi bahan koleksi daripada kerosakan yang berpunca daripada alam sekitar dan kecurian. Kerosakan alam sekitar ini disebabkan oleh faktor pencahayaan, serangga perosak dan kelembapan. Dalam pemerhatian Wallac, sistem pengurusan bangunan adalah gagal sehingga tahun 1909 yang mana pada masa tersebut terdapat banyak koleski sejarah dan etnografi telah musnah oleh faktor pencahayaan (cahaya matahari).

Muzium Sarawak yang baru pada asalnya terdiri daripada dua tingkat bangunan muzium yang dibina mengikut gaya seni bina Eropah dengan edifiknya mengikut stail Ratu Anne (Zaman Victoria). Semasa pemerintahan Sir Vyner Brooke, Muzium Sarawak dibangunkan sebagai pusat yang popular dengan budaya yang menjadi tempat pertunjukan muzik oleh Tentera Diraja Melayu, kumpulan polis hutan Sarawak dan mengadakan pesta menuai dan pameran kraf di bangunan utama Muzium.

Koleksi sejarah semula jadi dan etnologi telah bercampur-aduk semasa penyimpanan di bangunan sementara, tetapi telah disusun atur semula dan dipecahkan mengikut bahagian sendiri apabila bangunan baru muzium ini siap dan dibuka pada tahun 1891. Hal ini kerana ianya dapat membantu kurator untuk mempersempit koleksi zoologi dan etnologi sebagai suatu perkembangan evolusi dari yang paling mudah ke peringkat yang lebih kompleks. Bilik-bilik yang terletak di tingkat atas muzium telah menjadi tempat penyimpanan koleksi etnologi selama beberapa tahun dan telah disusun mengikut jenis bahagian koleksi yang terdiri daripada koleksi ethnografi serta mineralogi, geologi dan menjadi perpustakaan muzium dan pejabat. Setelah bangunan muzium diperbesarkan pada tahun 1936, pejabat Kurator telah dipindahkan. Dalam masa tersebut juga, sebahagian daripada koleksi zoologi dipindahkan ke bilik di bahagian bawah bangunan. Penyimpanan ini tidak kekal sehingga penambahan bahagian kedua muzium telah ditambah pada tahun 1936 dan pejabat kurator berpindah ke bangunan perpustakaan yang bersempadan di tingkat atas Muzium Sarawak adalah ruang untuk koleksi yang etnologi, manakala baki koleksi zoologi telah dipindahkan ke bilik-bilik tingkat bawah.

Masalah utama dalam pembangunan muzium adalah dari segi penyimpanan dan paparan koleksi yang mempunyai jumlah yang semakin bertambah hasil daripada pengumpulan, derma dan pembelian. Penambahan ruang lantai dan pameran serta tempat simpanan haruslah memenuhi dasar koleksi muzium yang mana selari dengan saiz bangunan yang telah diperbesarkan, pembelian bekas paparan kaca di London dan mempunyai ruangan atau tempat penyimpanan yang dibuat sama ada Singapura ataupun di Sarawak.

Beberapa objek muzium telah hilang akibat kes kecurian, salah satu kes kecurian ketara dan mendapat banyak publisiti adalah kehilangan sebilah parang atau pedang Melayu-Borneo dari tahun 1922 semasa pameran di Singapura. Apabila berlaku kes kecurian ataupun kehilangan sesuatu koleksi, ianya membawa kepada audit koleksi etnologi Muzium yang mana bertujuan untuk menilai sama ada objek yang hilang atau dicuri dan berkemungkinan semasa pameran yang diadakan, Sir Vyner Brooke tidak menghantar objek pameran tersebut semasa Pameran Empayar British yang berlangsung di Wembley pada tahun 1924. Untuk mengelakkan sebarang kecurian daripada pelawat dan semasa mengendalikan objek, pengawal Melayu diambil bekerja dan bekas pameran dibeli bagi menempatkan koleksi yang semakin bertambah.

Selepas kerja-kerja penampaikan bangunan muzium siap, penyusunan pameran dan koleksi telah digubal pada tahun 1936. Tempat duduk telah disediakan bagi pelawat dan bekas pameran telah disusun semula atau dibuang bagi memudahkan pelawat menghayati dan melihat objek pameran tersebut. Objek yang tidak diperlukan lagi dan spesimen yang mempunyai pendua dikeluarkan dari ruangan pameran supaya koleksi burung boleh dipamerkan mengikut habitat dan bukannya sebagai menggambarkan turutan.

Sebaik sahaja bangunan muzium telah siap dan mempunyai kurator profesional semasa di bawah pentadbiran Sir Charles meninggalkan pembangunan muzium di tangan mereka. Kurator telah diberikan kebebasan dan menyediakan sumber-sumber untuk membangunkan koleksi yang disediakan mereka dan tidak melanggar apa-apa peraturan Brooke, seperti mengkritik dasar-dasar dan pertimbangan Raja. Antara kurator yang

kehilangan sokongan daripada Raja John adalah John Hewitt dan Dr. Eric Mjoberg yang membawa kepada peletakan jawatan mereka.

Sehingga pertengahan tahun 1920-an prinsip utama seorang kurator adalah untuk menambahkan Muzium Sarawak dengan spesimen sejarah semulajadi Sarawak dan objek ethnografi yang dikumpul semasa ekspedisi dijalankan dalam Sarawak dan terdapat juga dari Gunung Kinabalu. Rasional pengumpulan adalah bagi menemui spesies baru flora dan fauna, mendapatkan spesimen tambahan bagi spesis jarang di temui, dan untuk mengisi jurang dalam koleksi ethnografi. Gunung-gunung Sarawak menjadi kegemaran bagi para pengumpul kerana bagi mereka gunung-gunung yang terdapat di Sarawak mempunyai beberapa spesies flora dan fauna borneo yang unik jarang dijumpai.

Muzium Sarawak mempunyai banyak perbezaan dengan muzium metropolitan dan muzium-muzium lain semasa penjajahan British di Asia tenggara dengan banyak menggantikan kurator dalam lima puluh tahun operasi di bawah pemerintahan Brooke. Pertukaran kurator ini adalah disebabkan ketiadaan status perlantikan bagi jawatan tetap dan oleh itu persaraan atau pencen seseorang kurator itu adalah tidak sah, pembayaran gaji yang rendah, perkahwinan awal dalam kalangan kurator dan tuntutan bagi pembayaran elauan semasa ekspedisi yang dijalankan. Perlantikan tetap akan berlaku bagi tujuan keselamatan kepada kurator pentadbir awam Eropah yang mana mempunyai syarat-syarat perkhidmatan, tetapi bagi kurator lain, mereka mempunyai peluang untuk mencari kerja di Muzium di bawah penjajahan British.

Pembukaan bangunan baru Muzium Sarawak pada tahun 1891 menyaksikan Sir Charles Brooke melantik Dr G. Havilland, dan anak Pengusaha Zoo London, Edward

Barlett dari Muzium Maidenstone, Kent sebagai pengawet binatang. Pada peringkat ini, muzium itu memerlukan banyak kerja untuk membina koleksi, mengatur pameran, memelihara spesimen, menjalin hubungan dengan pelbagai kelas pakar sejarah alam semula jadi, dan melatih penduduk tempatan sebagai pengumpul dan pengawal. Pada tahun pertama Havilland dan Bartlett bertugas, mereka lebih tertumpu kepada membina sejarah semulajadi dan koleksi etnologi dengan menerbitkan kertas kerja saintifik. Apabila ditawarkan jawatan sebagai Pengarah di Muzium dan perpustakaan Raffles di Singapura, Dr Havilland meninggalkan Sarawak pada Mac 1893 dan telah digantikan dengan pembantu beliau iaitu Edward Barlett. Edward Barlett hanya mengambil alih selama beberapa tahun sebelum kembali ke England pada bulan Januari 1897.

Ketiga-tiga pelantikan kuratorial selepas Bartlett (Robert Shelford, John Hewitt dan John Moulton) selama lapan belas tahun dan telah membawa kestabilan, kesinambungan dan penubuhan koleksi ketara saintifik dan penerbitan kertas-kertas akademik dalam jurnal tempatan dan luar negara. Ketiga-tiga kurator tersebut telah diiktiraf reputasi mereka ke peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan. Moulton dan Hewitt pula telah dianugerahkan dengan Sains kedoktoran oleh universiti-universiti di Inggeris. Visi Sir Charles Brooke menjadikan Muzium sebagai salah satu muzium yang terbaik di Asia akhirnya berjaya dan populariti muzium dan orang-orang tempatan.

Anak kepada peguam terkemuka di singapura iaitu Robert shelford telah dicadangkan oleh Alfred Wallace kepada Raja untuk mengisi jawatan sebagai kurator muzium. Di samping itu juga, Shelfrod merupakan hanya seorang yang menjadi pakar zoologi yang terlatih. Antara inovasi penting yang diperkenalkan oleh beliau ke dalam

Muzium Sarawak adalah dengan mengubah suai Sistem Dewy bagi pengelasan koleksi zoologi dan persembahan atau pameran koleksi etnologi (senjata dan alat muzik) dengan cara dan kaedah beliau sendiri. Selain daripada sumbangan kertas kerja kepada budaya masyarakat dan budaya asia, elemen-elemen etnologi yang lain telah di simpan oleh kurator selepas beliau.

Mengikut jejak langkah Shelford yang merupakan seorang bekas graduan yang lantang bersuara, John Hewitt telah dilantik pada bulan Februari 1905 dan hanya berkhidmat selama satu penggal sahaja sebagai kurator dan melepaskan jawatan tersebut apabila terdapat banyak percanggahan dengan golongan elit Eropah. Dalam jangka pendek perkhidmatan beliau, Hewitt menjalankan ekspedisi yang agak panjang dalam usaha mengumpul koleksi dan mengetuai kajian ethnografi, menerbitkan kertas akademik dan artikel yang popular tentang sejarah semulajadi dalam warta Sarawak dan merupakan pembangkang kepada dasar Raja berkaitan dasar perkahwinan muda bagi pegawai-pegawai junior beliau semasa beliau menjadi kurator.

John Moulton merupakan pengganti Hewitt yang bercita-cita tinggi dan seorang yang bijak dalam politik telah berjumpa dengan Raja bagi menghantar laporan dan notis bertulis berkaitan dengan ekspedisi beliau kepada Sir Charles yang telah disiarkan dalam Warta Sarawak. Dengan itu, ianya lebih jelas bahawa Moulton telah berjaya memenangi kepercayaan dan amanah Sir Charles kerana beliau bersetuju bagi memperbesarkan bangunan Muzium Sarawak serta telah membentarkan Moulton untuk menerbitkan jurnal Muzium Sarawak dan memberi kepercayaan kepada beliau bagi memegang kedudukannya semasa beliau terlibat dalam perperangan dalam tahun 1951. Antara

pencapaian lain Moulton adalah sebagai seorang pentadbir muzium yang berbakat, seorang ahli entomologi terkenal dan seorang penulis artikel prolifik bagi jurnal sains dan penulis bagi warta Sarawak. Sumbangan beliau yang paling penting kepada muzium apabila berjaya memujuk Sir Charles untuk membiayai dana lanjutan dari proses pembesaran bangunan muzium dan membeli tempat atau bekas pameran, membangunkan dasar koleksi muzium yang mana penting jika ingin menjadikan koleksi muzium bertaraf dunia.

Berikutan pemergian Moulton dari Muzium Sarawak pada tahun 1915 dan kesukaran dalam melatih graduan muda lepasan dari Universit Oxford atau Universiti Cambridge semasa dan selepas perang dunia pertama, muzium telah ketiadaan kurator selama tujuh tahun dan koleksinya mengalami masalah dari segi kerosakan dan kemerosotan kualiti koleksi. Pada Mei 1922, Sir Vnyer Brooke telah melantik seorang kurator yang merupakan bukan daripada British iaitu Dr. Eric Mjoberg. Walau bagaimanapun, beliau merupakan seorang yang berpengalaman yang luas dalam mengumpul koleksi sejarah semulajadi dan etnik. Dari semua ahli sains yang diambil bekerja oleh Brooke, Mjoberg merupakan seorang pengumpul koleksi yang paling berjaya bagi Muzium Sarawak. Dalam tempoh dua tahun setengah perkhidmatan, beliau telah menghabiskan kebanyakan masa beliau dalam usaha mengumpul jumlah yang besar bagi spesimen sejarah semula jadi, termasuk banyak spesimen yang baru dan jarang dijumpai atau dikumpul oleh kurator sebelumnya.

Perkhidmatan Dr Eric Mjoberg sebagai kurator pada awal tahun 1920-an, beliau dan kakitangannya menghabiskan masa selama enam hingga lapan bulan bagi

mengumpul spesimen koleksi sementara kurator sebelumnya menghabiskan masa selama sehingga setahun dalam usaha pengumpulan. Oleh kerana usaha pengumpulan koleksi semasa ekspedisi yang dijalankan memerlukan kekuatan fizikal, Raja tidak pernah mengabaikan usaha kakitangannya dengan memberi kewangan atau elauan berdasarkan kedudukan kurator tersebut yang baru berkelulusan dari Universiti Oxford dan Cambridge. Sepanjang ketiadaan kurator di muzium semasa ekspedisi dijalankan, terdapat juga aktiviti lain dijalankan di muzium. Setelah usaha pengumpulan berjaya dilaksanakan, usaha pemeliharaan dan pengelasan spesimen (yang tidak diketahui) dihantar kepada pakar dalam muzium yang terdiri daripada pakar muzium metropolitan dan universiti. Pihak kurator juga telah memasukkan ke dalam jadual atau kalender mereka bagi melakukan penyelidikan dan pengelasan terhadap spesimen zoologi dan objek etnologi dan menyusun semula bentuk pameran dan mengkhaskan koleksi untuk dimuatkan ke dalam koleksi muzium.

Kurator yang terakhir berkhidmat di Muzium Sarawak bagi menggantikan Mjoberg adalah seorang graduan muda dari Oxford iaitu Edward Bank. Berakhirnya expediti mengumpul koleksi atau specimen pada akhir tahun 1920, Edward bank merupakan kurator yang terakhir dilantik sebelum Perang Dunia kedua oleh raja pada tahun 1925 yang mana beliau mampu untuk menumpukan masa untuk mendidik orang melayu yang majoritinya buta huruf. Pada masa tersebut pelawat cina merupakan pelawat terbesar muzium.

Seperti mana yang telah dilakukan oleh Moulton, Banks juga telah memberi arahan baru iaitu menggantung atau menangguh projek pengelasan terhadap koleksi

sejarah semulajadi sebaliknya lebih menumpukan dan menyesuaikan operasi muzium dengan keadaan sosial dan ekonomi yang telah berubah selepas Perang Dunia Pertama dan akibat kegawatan ekonomi yang melanda. Tugas pertama Bank adalah untuk memulihkan reputasi muzium dengan golongan elit Eropah selepas pemecatan Mjoberg dan kematian John Moulton. Daripada menumpukan usaha mengumpul sejarah semulajadi, Bank telah membahagikan usaha menjalankan kajian komersial bagi jabatan-jabatan Kerajaan Sarawak dan menjalankan kajian prasejarah Sarawak.

Kejayaan Muzium Sarawak sebagai pusat sejarah semula jadi Borneo dan penyelidikan ethnografi yang mana telah memperkenalkan budaya barat kepada Sarawak yang sebahagian besarnya disebabkan sokongan oleh Dinasti Brooke dan usaha kakitangan muzium dan ahli ilmiah amatur untuk membina dan memperkasakan koleksi muzium dan menjadikannya mendapat perhatian penduduk tempatan dan antarabangsa. Transformasi Muzium Sarawak sebagai pusat budaya yang menyediakan hiburan, kemudahan sosial dan pendidikan untuk membantu dan memenuhi rasa ingin tahu manusia tentang sifat yang dijelaskan melalui tempat-tempat popular bagi semua kaum di Sarawak.


Kurator Muzium menggunakan Muzium Sarawak untuk menubuhkan reputasi saintifik antarabangsa dan untuk mengumpul sejarah semula jadi yang berharga dan koleksi etnografi sebelum beralih kepada kerjaya dalam Muzium Metropolitan Barat yang lain dan Muzium Kolonial. Walaupun ramai kurator melihat sejarah semula jadi dan usaha pengumpulan mereka sebagai tindakan yang memelihara spesimen alam dan manusia 'primitif' dari pengaruh kemajuan tamadun yang juga menyumbang kepada

kemusnahan banyak spesis haiwan yang jarang ditemui dan unik dengan mengumpul koleksi secara sebarangan dan kegagalan untuk melaksanakan pemuliharaan yang mencukupi dan mengikut polisi alam semula jadi Sarawak.

Peranan Muzium Sarawak sebagai muzium yang terkenal di peringkat antarabangsa adalah dilengkapi dengan fungsi tempatan sebagai tempat-tempat yang popular, dan sehingga kalah kedatangan Jepun di Sarawak pada tahun 1942, penduduk Sarawak dapat bergaul bebas antara satu sama lain. Transformasi muzium menjadi satu tempat budaya popular dengan acara pementasan seperti pertunjukan band, perdagangan dan pertanian ke dalam muzium yang telah meningkatkan populariti orang-orang di Sarawak dan ia adalah dianggap oleh Kerajaan Diraja ini sebagai satu institusi penting dalam mempromosikan keharmonian sosial.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rajah 4.1 :Carta organisasi bagi Bahagian Pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak.



Misi Jabatan Muzium Sarawak.

Membina budaya profesionalisme dan Dinamik di Kalangan Kakitangan dengan merancang dan melaksanakan program berkualiti yang berterusan.

Visi Jabatan Muzium Sarawak.

Jabatan Muzium Sarawak bertekad menjadi pemeliharaan warisan bangsa dengan ketinggian taraf professional dan teknologi serta berdaya dinamik menjelang tahun 2010 bermula pada tahun 1995.

Dasar Q Jabatan Muzium Sarawak

Menyediakan perkhidmatan yang bermaklumat dan mengagumkan.

Matlamat Pengurusan Koleksi.

Untuk menjadi “housekeeper” yang terkemuka dan dinamik dengan tahap Profesionalisme dan teknologi tertinggi dan mematuhi dasar-dasar dan prosedur yang dibentangkan.

4.2 Fungsi dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak.

Fungsi dan tanggungjawab bahagian pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah melalui pengendalian dan penjagaan koleksi serta capaian maklumat ke atas koleksi sama ada dari segi penyimpanan, persembahan (pameran) atau pinjaman ke atas koleksi.

Dari segi pendokumentasian koleksi pula, aktiviti atau tanggungjawab Bahagian Pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah membuat capaian ke atas perolehan sesuatu objek koleksi tersebut. Capaian maklumat ini merangkumi aktiviti pendaftaran sesuatu koleksi tersebut. Capaian maklumat koleksi ini merangkumi dokumen yang menyenaraikan maklumat koleksi (inventori). Sesuatu objek yang dijadikan koleksi muzium haruslah mempunyai nombor pendaftaran di mana nombor pendaftaran ini dirujuk untuk mengetahui maklumat objek tersebut. Maklumat tersebut merangkumi maklumat tahun perolehan, jenis objek, material, cara perolehan dan sebagainya. Dalam capaian pendaftaran juga, sesuatu objek yang didermakan haruslah ada akuan penderma. Hal ini bagi mengelak kesulitan yang berlaku antara penderma dan pihak Jabatan Muzium Sarawak.

Kawalan pergerakan sesuatu objek koleksi turut menjadi capaian bagi Jabatan Muzium Sarawak. Kawalan pergerakan objek koleksi ini merangkumi pergerakan dalaman dan pergerakan luaran. Pergerakan dalaman adalah pergerakan yang melibatkan aktiviti pemuliharaan sesuatu objek, pameran sementara di dalam ruang galeri Muzium dan sebagainya. Manakala pergerakan luaran pula adalah melibatkan peminjaman ke atas objek koleksi dan pameran bergerak. Capaian ke atas kawalan pergerakan objek koleksi ini bertujuan untuk memastikan setiap pergerakan sesuatu objek tersebut dapat

dikenalpasti dan mengetahui dan memudahkan tempat penyimpanan asal objek koleksi tersebut.

4.3 Objektif Dasar dan Prosedur Pengurusan koleksi

Dasar dan prosedur pengurusan koleksi adalah suatu pernyataan bertulis yang menggariskan tujuan dan matlamat muzium, menjelaskan bagaimana matlamat-matlamat tersebut ditafsirkan ke dalam aktiviti-aktiviti pengumpulan koleksi. Ianya bukan sahaja sebagai panduan untuk kakitangan malah ianya sebagai satu kenyataan awam yang memenuhi piawaian professional yang berkaitan dengan objek yang ditinggalkan bagi tujuan penjagaan. Tanpa dasar dan prosedur ini, Jabatan Muzium Sarawak tidak mempunyai hala tuju dan menghadapi kesukaran dalam pengurusan koleksi mereka.

Objektif dasar dan prosedur pengurusan koleksi bagi Jabatan Muzium Sarawak adalah sebagai

- i. Komunikasi dalaman antara bahagian dalam muzium atau kakitangan
- ii. Bukti bagi setiap koleksi yang diperolehi : sebagai perlindungan
- iii. Penyimpanan rekod yang betul atau inventori koleksi hak milik muzium
- iv. Penjagaan dan penyelenggaraan bahan-bahan artifikat yang lebih baik.

Dalam pengurusan sesuatu objek yang menjadi koleksi Jabatan Muzium Sarawak, biasanya barang-barang yang diperolehi melalui pembelian, hadiah, wasiat pertukaran atau lawatan luar yang mana akan menjadi bahan koleksi muzium.

Terdapat dua jawatankuasa yang terlibat dalam proses perolehan melalui pembelian. Jawatan kuasa pertama yang terlibat adalah Jawatankuasa penilaian Muzium Sarawak yang diketuai oleh Pengarah Muzium. Jawatankuasa ini akan melihat kepada barang-barang yang ditawarkan daripada individu tersebut dan membuat syor-syor yang berkaitan bergantung dengan kesesuaian, nilai harga dan kesahihan barang tersebut. Jawatankuasa kedua yang terlibat adalah jawatan kuasa pemilihan dimana pada peringkat jawatankuasa ini, mereka akan membuat pemilihan barang tersebut dari segi nilai antik atau pun tidak. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Setiausaha kewangan negeri, setiausaha tetap kementerian yang bertanggungjawab terhadap Pengarah Muzium Sarawak. Jawatankuasa ini akan melihat syor-syor yang dibuat oleh jawatankuasa muzium sebelum mengemukakan kelulusan akhir.

4.4 Dasar Dan prosedur pengurusan Koleksi Jabatan Muzium Sarawak.

Dalam institusi permuziuman, Jabatan Pengurusan Koleksi adalah salah satu jabatan yang memainkan peranan yang penting dalam menjadikan kegemilangan sesebuah muzium tersebut. Hal ini adalah disebabkan kegemilangan sesebuah muzium tersebut bergantung dengan hasil koleksi yang ada. Sir David Wilson dalam buku “*Managing conservation in Museums*” karya Suzanne Keene (1996) menerangkan muzium yang tidak melakukan sebarang koleksi adalah dikenali sebagai “*dead museum*” muzium yang mati atau

merujuk kepada muzium yang tidak mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tinggi serta tidak memberi sebarang ganjaran ilmu kepada pengunjungnya. Dalam memastikan keberkesanan peranan ini, dasar koleksi adalah amat penting. Bagi Jabatan Muzium Sarawak, tujuan dasar koleksi ini diwujudkan adalah bertujuan;

- i. Mewujudkan kaedah atau cara kerja bagi hasil kerja seni dan artifak untuk dijadikan koleksi muzium
- ii. Mewujudkan kaedah penyingkiran atau pembatalan pendaftaran maklumat karya-karya seni dan artifak dari koleksi muzium.
- iii. Mewujudkan prosedur dimana karya-karya seni dan artifak yang mana boleh dipinjamkan kepada muzium lain atau meminjam dari muzium, institusi-institusi dan sumber-sumber swasta lain.
- iv. Mewujudkan sistem rekod penyimpanan yang komprehensif bagi semua objek di bawah pengurusan Muzium. Penjagaan dan pengurusan koleksi yang optimum sentiasa menjadi keutamaan dan dititikberatkan oleh kakitangan
- v. Mewujudkan etika dan peraturan sistem pengurusan koleksi yang berkesan.
- vi. Menyediakan satu asas dimana segala permasalahan mengenai koleksi muzium dan aktiviti perolehan diselesaikan.

Dengan adanya tujuan dasar koleksi ini diwujudkan di Jabatan Muzium Negeri Sarawak, ianya menjadikan segala aktiviti pengurusan koleksi dapat berjalan dengan lancar dan memudahkan lagi setiap kerja serta menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa aktiviti pengurusan koleksi dijalankan.

4.5 Dasar Perolehan

Muzium perlu mempunyai dasar khusus mengenai perolehan koleksi selaras dengan visi dan misi serta objektif penubuhan bagi menentukan setiap koleksinya akan terpelihara dengan sempurna dan dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Perolehan memenuhi misi, visi dan objektif penubuhan sesuatu muzium dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Istilah “Collect anything but not everything “ perlu dititikberatkan. Dalam hal ini, aktiviti pengumpulan adalah melibatkan sebarang objek tetapi tidak semua objek boleh dijadikan koleksi. Koleksi yang terbaik adalah mempunyai kesempurnaan dan bermutu tinggi. Selain itu, sesuatu objek yang dipungut haruslah mempunyai nilai ketulenannya (authentic) tersendiri. Ketulenan di sini bermaksud sesuatu objek tersebut diakui kesahihannya, keaslian, keunikan, ketetapan bentuk dan kebenaran fakta yang merangkumi asal-usul, kualiti, jenis atau bahan sebagai tulen.

Bagi Jabatan Muzium Sarawak, perolehan koleksi mengikut keutamaan serta dasar perolehan seperti berikut;

- i. Muzium tidak mengumpul artifik etnografi barat, keutamaan adalah artifik masyarakat tempatan bagi tujuan pemeliharaan dan penyelidikan.
- ii. Masa kini, tumpuan atau fokus telah diperluaskan yang merangkumi kebudayaan di Asia Tenggara dan negara-negara Islam
- iii. Muzium juga menerima perbandingan objek-objek dari masyarakat lain yang mana bersesuaian.
- iv. Sesuatu objek tersebut mesti mempunyai nilai yang unik dan tersendiri.

- v. Objek mestilah selari dan relevan dengan tujuan, skop dan aktiviti muzium sebagaimana yang telah dinyatakan.
- vi. Muzium mestilah berupaya menyediakan tempat penyimpanan yang sewajarnya bagi segala objek diperolehi yang mana masih di bawah pertimbangan.
- vii. Objek mestilah mempunya rekod yang disahkan keasliannya dan asal-usul objek yang diperolehi tersebut hendaklah menjadi rekod umum.
- viii. Muzium harus bertanggungjawab bagi memastikan bahawa objek yang ditawarkan sama ada melalui pembelian, pertukaran, hadiah, atau wasiat bukanlah objek yang dicuri.
- ix. Muzium seharusnya sentiasa berjaga-jaga pada setiap masa terhadap kebimbangan pemilik asal apabila melakukan pertimbangan terhadap perolehan artifak.
- x. Jika pihak muzium mendapati bahawa perolehan sesuatu objek itu terbukti melanggar peraturan (viii) diatas secara tidak sengaja, oleh itu, pihak muzium hendaklah mengembalikan semula objek tersebut kepada pemilik yang berhak.
- xi. Segala sumbangan koleksi kepada muzium tidak boleh ditarik balik setelah proses pemindahan hak milik berlaku secara rasmi.

4.6 Cara perolehan

Cara perolehan koleksi bermaksud sesuatu usaha pengumpulan yang dilakukan melalui pelbagai kaedah. Terdapat 5 kaedah utama cara perolehan koleksi iaitu melalui kaedah pembelian, hadiah atau derma, wasiat, pinjaman (kekal atau sementara) dan sumber-sumber lain melalui penyelidikan di lapangan. Bagi Jabatan Muzium Sarawak, kebanyakan koleksinya adalah melalui kaedah pembelian di mana pembelian dilakukan melalui pengumpul objek-objek yang memiliki objek yang bernilai dengan sejarah dan budaya tempatan. Antara Objek yang diperolehi melalui kaedah pembelian ini adalah kain pua' Jugam. Pengkaji tidak dapat memperolehi maklumat terperinci mengenai maklumat pemilik asal kain pua' ini kerana terbatas dengan polisi dan dasar capaian maklumat koleksi Jabatan Muzium Sarawak.



Rajah 4.2 : Pua' Jugam
No. Identiti : 91/67D
Jenis : Pua' Jugam
Pengumpul : Muzium Sarawak

Kaedah pembelian ini dilakukan berdasarkan sumber-sumber peruntukan kewangan tahunan yang ada bagi membolehkan koleksi dibeli melalui orang perseorangan atau pembekal-pembekal koleksi dari dalam dan luar negeri. Jawatankuasa Perolehan akan dibentuk bagi menimbang serta meluluskan pembelian tersebut sebelum kelulusan sebenar diperolehi dari pihak Kementerian Kewangan.

4.7 Prosedur Perolehan.

Bagi melancarkan aktiviti perolehan koleksi muzium, langkah-langkah atau prosedur perolehan adalah memainkan peranan yang penting. Hal ini kerana, dengan adanya prosedur perolehan ini, kakitangan yang menjalankan aktiviti perolehan dapat mematuhi serta menjadi garis panduan dalam menjalankan aktiviti perolehan. Hal ini turut dititikberatkan dalam menjalankan aktiviti perolehan bagi Jabatan Muzium Negeri Sarawak. Setiap objek yang diperolehi di Jabatan Muzium Negeri Sarawak perlu mematuhi dan memenuhi prosedur perolehan seperti berikut;

- i. Pengarah dan kurator koleksi mempunyai kuasa budi bicara untuk menolak objek yang tidak memenuhi kriteria dan prosedur pengambilan seperti mana yang telah dinyatakan.
- ii. Semua objek dibawah pertimbangan bagi perolehan, sama ada melalui hadiah atau pembelian, akan tertakluk kepada pemeriksaan teliti, penyelidikan dan syor-syor oleh kurator koleksi sebelum keputusan rasmi

- dibuat. Objek tidak akan diterima untuk pertimbangan tanpa pengetahuan dan kelulusan penuh oleh pengarah.
- iii. Kurator koleksi hendaklah menyediakan dua jawatankuasa (penilaian dan Jawatankuasa pemilih), sebelum mesyuarat tetap diadakan, dengan cadangan-cadangan dan ringkasan maklumat mengenai karya-karya seni atau artifak yang ditawarkan untuk jualan.
 - iv. Pengarah dan kurator koleksi mempunyai kuasa budi bicara untuk menolak objek yang tidak memenuhi kriteria dan prosedur pengambilan seperti mana yang telah dinyatakan.
 - v. Semua objek dibawah pertimbangan bagi perolehan, sama ada melalui hadiah atau pembelian, akan tertakluk kepada pemeriksaan teliti, penyelidikan dan syor-syor oleh kurator koleksi sebelum keputusan rasmi dibuat. Objek tidak akan diterima untuk pertimbangan tanpa pengetahuan dan kelulusan penuh oleh pengarah.
 - vi. Kurator koleksi hendaklah menyediakan dua jawatankuasa (penilaian dan Jawatankuasa pemilih), sebelum mesyuarat tetap diadakan, dengan cadangan-cadangan dan ringkasan maklumat mengenai karya-karya seni atau artifak yang ditawarkan untuk jualan.
 - vii. Menjadi tanggungjawab utama kakitangan muzium untuk memastikan kesahihan sesuatu objek sebelum penerimaan atau penolakan rasmi, untuk memastikan kesahihan “pengakuan hadiah” di muatkan kedalam dokumen pemindahan pemilikan objek yang didermakan kepada muzium, atau bagi

memastikan bahawa “invois atau bil jualan” adalah sah dan dijamin untuk objek yang dibeli oleh muzium.

- viii. Semua objek perolehan akan dilabelkan dengan nombor katalog, didokumentasikan, dan segala rekod yang wajar adalah kekal dibawah pejabat Pendaftar.
- ix. Kurator koleksi, dengan kerjasama pendaftar akan mengemukakan pada setiap akhir tahunan laporan aktiviti koleksi termasuk aktiviti perolehan, pembatalan dokumentasi objek (deaccessioning), keperluan pemuliharaan, dan rancangan masa depan untuk koleksi Muzium.
- x. Kurator koleksi, dengan kerjasama pengarah pengurusan koleksi, akan melakukan pemeriksaan stok atau koleksi pada setiap enam bulan bagi setiap tahun kewangan bagi proses pengauditan dan pengesahan stok.

4.8 Pembatalan hak milik atau pembatalan pendaftaran.

“Deaccessioning” atau pembatalan pendaftaran bermaksud membuang atau menghapuskan daftar objek yang dimiliki oleh pihak muzium. Pelupusan bermaksud pembuangan objek fizikal yang didaftarkan daripada koleksi Muzium. Objek yang disingkir dari pendaftaran koleksi adalah objek yang hanya gagal mengekalkan kestabilan dari segi fizikal dan tidak boleh disimpan, digunakan dan dipelihara lagi. Dalam hal ini, kurator koleksi dan konservator mesti mengesyorkan kepada pengarah bahawa objek yang hendak dihapuskan tersebut dan memberi arahan untuk pelupusan. Pelupusan sesuatu objek tersebut hendaklah mendapat kelulusan dari Pengarah Jabatan Muzium

Sarawak. Jika Pengarah merasakan bahawa sesuatu objek tersebut patut dikekalkan, satu penjelasan secara khusus sebab-sebab dan cadangan hendaklah dinyatakan dalam satu mesyuarat dan bertindak sebagai panduan kepada kakitangan dalam penggunaan atau memanfaatkan objek tersebut pada masa depan. Segala rekod yang berkaitan pelupusan dan penyingkiran koleksi hendaklah terus dikekalkan dibawah pejabat pendaftar. Pelupusan daftar maklumat sesuatu objek adalah di bawah;

- i. Pemusnahan; mempunyai unsur-unsur yang boleh digunakan, walau bagaimanapun, perlu disimpan bagi tujuan pemuliharaan yang mempuayai persamaan.
- ii. Dikembalikan kepada penderma yang asal.

Sebelum pelupusan, nombor pendaftaran mesti dikeluarkan atau dipadamkan. Pengembalian objek yang telah dipinjam oleh pihak muzium tidak bermaksud bahawa pembatalan pendaftaran. Ia memerlukan kelulusan bertulis dari Pengarah dan nombor pendaftaran hendaklah dipindahkan atau dipadamkan.

4.9 Pinjaman Masuk dan Keluar.

Pinjaman masuk dan keluar adalah menjadi dasar Jabatan Muzium Sarawak untuk meminjam objek dari muzium, galeri dan sumber-sumber swasta lain bagi tujuan pameran, penyelidikan dan pendidikan awam. Di samping itu, Jabatan Muzium Sarawak turut meminjamkan objek koleksinya kepada institusi yang bertanggungjawab bagi tujuan pameran, penyelidikan atau pendidikan.

Istilah khusus bagi perjanjian diantara pemberi pinjaman dan peminjam bagi pinjaman masuk dan keluar adalah melalui rundingan secara individu. Semua pinjaman masuk dan keluar mesti diluluskan oleh Pengarah dalam perundingan dengan Kurator pengurusan koleksi. Pinjaman akan dibuat hanya jika dan apabila perjanjian pinjaman rasmi secara bertulis telah dilakukan. Sekatan terhadap hak cipta hendaklah dipatuhi setiap masa.

4.9.1 Pinjaman Masuk.

Pinjaman masuk hendaklah bagi sesuatu tujuan dan dalam tempoh masa tertentu. Pinjaman ke atas objek akan menerima penjagaan yang sama seperti mana objek koleksi Jabatan Muzium Sarawak sendiri. Jika berlaku kerosakan terhadap objek pinjaman adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Jabatan Pengurusan Koleksi Muzium Sarawak untuk memaklumkan kepada pemilik pada tarikh kerosakan berlaku. Tiada permuliharaan diambil terhadap mana-mana bahagian kerosakan tanpa kebenaran dari pihak pemilik. Pihak muzium tidak perlu membuat sebarang pengubahsuaian terhadap objek pinjaman melainkan bertujuan pengemasan (keselamatan objek) bagi tujuan pameran dan ia dijalankan dengan persetujuan yang lengkap dan bertulis dari pemilik. Muzium tidak boleh membuat sebarang peminjaman terhadap objek yang secara fizikalnya tidak stabil dan memerlukan pemuliharaan. Pinjaman jangka masa panjang atau “tetap” dilaksanakan hanya selepas melalui pertimbangan dan perbincangan penuh oleh Pengarah Jabatan Muzium Sarawak dan kakitangan pihak pengurusan koleksi

muzium berkaitan koleksi yang dianggap mempunyai kelebihan dan keburukan. Menyedari terdapat banyak pinjaman jangka panjang yang berlaku di Jabatan Muzium Sarawak, pihak muzium cuba mendapatkan hak untuk penyimpanan, penjagaan dan pemeliharaan terhadap koleksi peribadi. Jabatan Muzium Sarawak hanya akan menerima tawaran pinjaman jika terdapat sebab yang boleh dipercayai bahawa objek tersebut akan sentiasa dipamerkan di ruang pameran. Pinjaman adalah dalam jangka masa setahun dan boleh diperbaharui. Pihak Muzium akan mematuhi semua sekatan dan syarat yang telah dipersetujui semasa proses peminjaman.

4.9.2 Pinjaman Keluar.

Objek yang mana dari koleksi Jabatan Muzium Sarawak boleh dipinjamkan kepada muzium dan institusi-institusi lain dalam tempoh masa yang dipersetujui. Segala permintaan terhadap peminjaman hendaklah dinyatakan dengan jelas secara bertulis (yang mana merangkumi kedua-dua iaitu tujuan pameran dan penerbitan dan jangkamasa). Pinjaman akan dipertimbangkan atas dasar kepentingan muzium dan manfaatnya kepada orang ramai. Pemeriksaan dan penilaian terhadap keadaan fizikal objek mesti dibuat sebelum sebarang kelulusan diberi. Setiap kelemahan, ketidak sempurnaan, kerosakan, tidak stabil, pembaikan, didokumenkan dalam bentuk laporan bertulis dan bergambar. Peminjam akan menanggung sepenuhnya ke atas kos untuk pengendalian, perlindungan dan

pengangkutan objek yang mesti mematuhi syarat dan kaedah yang digunakan pakai di Jabatan Muzium Sarawak.

Permintaan untuk meminjam “ hasil kerja yang istimewa dan penting” harus mendapat kelulusan oleh Pengarah Jabatan Muzium Sarawak. Peminjam tidak boleh membersih, memulihkan atau membuat sebarang pengubahsuaian terhadap sesuatu objek dalam apa jua cara dan keadaan bagi tujuan pameran dan penyelidikan. Peminjam adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas objek-objek yang hilang dan mengalami kerosakan semasa pemindahan atau dalam jagaan sesebuah institusi tersebut. Jika berlaku kerosakan, peminjam hendaklah memaklumkan serta-merta kepada Jabatan Muzium Sarawak dan mematuhi segala kehendak dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak muzium. Sebarang kerosakan hendaklah dimaklumkan kepada pejabat pendaftar pada tarikh kerosakan berlaku agar sebarang tindakan boleh diambil bagi menyelesaikan permasalahan dan kerosakan tersebut.

Pihak Jabatan Muzium Sarawak mempunyai hak untuk meletakkan kakitangannya dalam urusan peminjaman, pembungkusan, dan segala perbelanjaan adalah di bawah tanggungan peminjam. Kurator Koleksi bertanggungjawab memeriksa apa-apa perubahan fizikal yang berlaku terhadap objek setelah objek yang dipinjamkan tersebut dipulangkan kembali kepada muzium. Sebarang perubahan yang berlaku terhadap objek tersebut dimaklumkan kepada Pengarah bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh muzium dan peminjam. Peminjam perlu melengkapi dua bentuk laporan. Laporan pertama

adalah apabila pemindahan dan penyerahan objek. Laporan kedua pula adalah pemulangan kembali objek kepada pihak muzium.

4.10 Dokumentasi.

Jabatan Muzium Sarawak telah mengenal pasti dokumen yang sesuai dan wajar bagi setiap koleksinya. Setiap objek mempunyai nombor pendaftaran atau nombor katalog bagi tujuan dokumentasi. Setiap objek diperuntukkan nombor pendaftaran atau nombor katalog oleh kurator pengurusan koleksi atau pembantunya setelah mendapat kelulusan untuk pengambilalihan. Lembaran kerja perlu diselesaikan atau dilengkapkan oleh pengumpul atau oleh/atau untuk penderma. Ianya harus disertakan dengan objek semasa penerimaan atau setibanya objek tersebut. Sesuatu koleksi mempunyai semua dokumen yang berkaitan hendaklah dikekalkan bagi sesuatu artifak tersebut. Kad penanda penyingkiran hendaklah digunakan untuk menunjukkan bahawa penyingkiran sementara objek tersebut dari rak simpanan. Senarai lokasi hendaklah dikekalkan untuk unit simpanan dalam bilik koleksi. Sistem rekod berkomputer koleksi muzium adalah tidak menggantikan sistem rekod manual. Ruang kabinet yang mengandungi fail koleksi hendaklah sentiasa dikunci setiap masa apabila tidak digunakan.

4.11 Capaian kepada koleksi dan rekod.

Pengarah Jabatan Muzium Sarawak mempunyai budi bicara untuk menetapkan mana-mana anggota kakitangan sokongan, sebagai tambahan kepada kurator koleksi, pendaftar

(penolong kurator), dan kakitangan lain dalam seksyen tersebut, yang mungkin mempunyai akses, sama ada mempunya asas ataupun tidak, untuk penyimpanan koleksi. Kakitangan pengurusan koleksi hendaklah berusaha sedaya upaya untuk mematuhi permintaan (untuk capaian atau maklumat) dari dalam dan luar yang selaras dengan objektif yang memenuhi matlamat, program dan aktiviti muzium.

Individu, termasuk kakitangan muzium dan pelawat hanya boleh ke kawasan bilik penyimpanan apabila ditemani oleh kurator koleksi, atau pendaftar (pembantu Kurator) atau Pengarah bahagian pengurusan koleksi (Pembantu Muzium).

Capaian terhadap objek dalam koleksi boleh diberikan oleh kurator koleksi ataupun pendaftar atas dasar perlantikan kepada penyelidik yang layak. Permintaan terhadap capaian maklumat koleksi hendaklah dibuat dalam masa dua minggu sebelum dan capaian ke atas maklumat tersebut mestilah diselia oleh seorang kakitangan bahagian pengurusan koleksi. Pihak Muzium berhak untuk meminta cadangan dari penyelidik dari institusi yang telah ditubuhkan.

Rekod koleksi adalah kekal dan terhad penggunaannya kepada individu, sama ada dengan atau tanpa pihak muzium, kecuali Pengarah, Kurator koleksi dan pendaftar. Hanya maklumat asas yang boleh dicapai untuk capaian umum. Maklumat penderma, nilai objek atau cadangan dan rekod lokasi adalah kekal sulit.

Muzium mempunyai hak untuk mendapatkan salinan penerbitan ilmiah yang menggunakan maklumat dan atau bahan-bahan dari koleksi.

Rajah 4.3 : Proses Kerja Inventori Koleksi.

Bil	Proses Kerja	Tindakan	Arahan berkaitan
1	Pemilihan Artifal	PK	
2	Mengeluarkan Artifak	PK/PM	
3	Informasi artifikat (Borang rekod Koleksi)	PK	
4	Mengambil gambar artifak	PM	
	Menyimpan dan mencatat koleksi artifak	PM/PAR	
5	Pengisian data artifak ke dalam Sistem Pengurusan Koleksi JMS		


4.12 Bilik Koleksi

Jabatan Muzium Sarawak mempunyai obligasi utama dan mempunyai etika untuk menjaga dan memastikan koleksi, sama ada yang baru diperolehi atau koleksi lama yang sedia ada berada dalam keadaan terjaga dengan baik melalui sistem yang sedia ada berada dalam keadaan terjaga dengan baik melalui sistem penyimpanan yang teratur. Tujuan simpanan koleksi adalah untuk mengurangkan atau memanimakan proses penuaan, kelunturan, kemasuhan dan kerosakan pada koleksi.

Penyimpanan penting untuk memastikan koleksi terjaga dalam keadaan sempurna yakni tersusun mengikut tatacara yang dipersetujui bagi memudahkan pemantauan dan pengambilan dan pengeluaran pada masa koleksi itu diperlukan (Facilities storage and retrieval). Penyimpanan mengambil kira faktor keselamatan koleksi dari pelbagai sudut.

4.12.1 Cara Penyimpanan

Cara penyimpanan bagi Jabatan Muzium Sarawak adalah bergantung kepada bahan koleksi tersebut. Antara cara penyimpanan yang diaplikasikan di Jabatan Muzium Sarawak adalah secara tertutup iaitu bagi koleksi yang sensitif atau fleksibel seperti bahan *fibre* dan sensitif kepada unsur cahaya. Antara koleksi yang menggunakan teknik penyimpanan ini adalah tekstil, pakaian, dan kain.



Rajah 4.4: Kaedah Penyimpanan tertutup



Rajah 4.5: Penyimpanan koleksi jenis kain, tekstil dan pakaian

Pada rajah 4.4 dan rajah 4.5 merupakan cara penyimpanan tertutup di mana penggunaan rak almari bagi penyimpanan kain, tekstil dan pakaian. Dengan menggunakan cara penyimpanan sedemikian, ianya dapat mengekalkan kestabilan fizikal koleksi tersebut.


Cara penyimpanan terbuka turut diaplikasikan di Jabatan Muzium Sarawak di mana cara penyimpanan ini membolehkan bahan koleksi dapat “bernafas” khusus bagi koleksi yang mengandungi bahan kimia.

Bagi koleksi seperti keris, parang, lembing dan sebagainya, cara penyimpanan yang diaplikasikan di Jabatan Muzium Sarawak adalah dilentangkan dan ditegakkan.



Rajah 4.6 : Cara Penyimpanan Manik.

Bagi cara penyimpanan manik, pengkaji mendapati cara penyimpanan yang diaplikasi oleh Jabatan Muzium Sarawak adalah cara penyimpanan tertutup iaitu melalui penggunaan rak almari. Penyimpanan cara ini dapat dilihat melalui rajah 4.6. Manik merupakan objek yang bersifat panjang dan leper, jadi cara penyimpanan atau penyusunan yang digunakan adalah menegak yang disusun di dalam rak almari tersebut. Selain itu, manik tersebut juga diletakkan di atas pelapik yang lembut bagi mengelak kerosakan khususnya semasa transit atau perpindahan. Hal ini dapat dilihat pada rajah 4.7.



Rajah 4.7 : Penggunaan pelapik lembut



Rajah 4.8 : Cara penyimpanan menegak

Cara penyimpanan melentang diaplikasi bagi bahan yang leper dan kecil manakala cara penyimpanan menegak adalah bagi bahan leper, lebar dan panjang. Cara penyimpanan ini dapat dilihat seperti mana pada gambar 4.8.

Apabila membincangkan cara dan kaedah penyimpanan, kertas bebas asid amat meluas penggunaannya. Penggunaan kertas ini bertujuan untuk mengelak daripada objek koleksi terdedah dengan suhu persekitaran. Penggunaan kertas bebas asid di Jabatan Muzium Sarawak ini dapat dilihat melalui penyimpanan tekstil dan kain. Penyimpanan kain dan tekstil ini adalah dengan melapik setiap lapisan objek tersebut dengan kertas bebas asid. Cara penyimpanan dan pembungkusan ini dapat dilihat dalam gambar 4.9.



Rajah 4.9: Penggunaan “free Acid Paper”

Bagi penyimpanan seramik, cara yang telah diaplikasikan oleh Jabatan Muzium Sarawak adalah dengan meletakkan bahan seramik di atas satu lapisan pelapik yang lembut (kusyen). Setiap serpihan seramik tidak boleh disusun di atas satu dengan yang lain. Di Jabatan Muzium Sarawak, penyimpanan seramik adalah diletakkan dan disusun di atas rak dan di bawah lantai. Penyimpanan objek seramik ini di atas lantai adalah di sebabkan oleh kesempitan dan kepadatan ruang penyimpanan koleksi. Cara penyimpanan ini dapat di lihat pada rajah 4.10 dan rajah 4.11.



Rajah 4.10 : Penggunaan Rak



Rajah 4.11 : Penyimpanan seramik yang diletak di atas kotak

Bagi bahan seni lukis, bahan yang digunakan untuk melukis bersifat fiber seperti kertas dan kanvas dan medium untuk melukis adalah seperti cat (minyak dan air), pensil, dakwat dan pewarna. Masalah yang sering dihadapi oleh pihak Jabatan Muzium Sarawak adalah seni lukis kering, rekah, melupus, lerai, kulat, dan serangga. Pihak pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak menggunakan kaedah penyimpanan dalam pelbagai

cara antaranya adalah melentang, tegak, bungkus, bingkai(frame). Sesetengah koleksi seni lukis yang sensitif akan menggunakan “padding” atau pelapik yang lembut.



Rajah 4.12: Cara penyusunan dan penyimpanan koleksi seni lukisan.

Berdasarkan pada rajah 4.12 di atas, cara penyimpanan yang diaplikasikan oleh Jabatan Muzium Sarawak adalah tidak sistematik di mana objek koleksi di letakkan di bawah lantai dan susunan setiap koleksi adalah bertindan antara satu sama lain. Mengikut kaedah dan cara penyimpanan koleksi yang sistematik, sesuatu objek koleksi adalah tidak boleh diletakkan di atas lantai. Selain itu, penggunaan penggunaan pelapik yang lembut bagi melapik di antara setiap seni lukis ini turut tidak diaplikasikan.



Rajah 4.13 : Pergantungan seni lukis pada dinding.

Berdasarkan rajah 4.13 pula, pengkaji dapat melihat cara penyimpanan yang sistematis dan relevan yang diaplikasikan oleh Jabatan Muzium Sarawak. Penggunaan bingkai (framing) dan pembungkusan diaplikasikan pada lukisan yang digantungkan pada dinding. Cara penyimpanan ini adalah menjamin keselamatan objek seni lukis yang mana bahan yang digunakan untuk melukis adalah amat sensitif pada suhu persekitaran. Hal ini lebih menjamin kualiti dan kestabilan dalam usaha pemuliharaan objek seni lukis tersebut.

Dalam bilik koleksi, beberapa garis panduan telah ditetapkan bagi menjaga keselamatan koleksi tersebut daripada ancaman. Garis panduan tersebut adalah bilik koleksi hendaklah sentiasa dikunci pada setiap masa. Pemegangan kunci bagi bilik koleksi adalah dipertanggungjawabkan kepada kakitangan pengurusan koleksi sahaja. Dalam proses capaian ke atas koleksi pula, hanya kakitangan kuratorial sahaja dibenarkan

membuat capaian ke atas objek koleksi yang menjadi koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Di dalam kawasan bilik koleksi, orang luar adalah tidak dibenarkan masuk. Hal ini bertujuan bagi menjamin keselamatan koleksi daripada berlakunya kes kecurian dan kerosakan. Selain itu, bagi kumpulan pelawat yang ingin memasuki ke dalam bilik koleksi, hanya nisbah 1:5 daripada kumpulan pelawat tersebut dibenarkan masuk dalam sesuatu masa. Hal ini bertujuan bagi mengelak berlakunya kesesakan di dalam bilik koleksi yang mana pengkaji dapat lihat bahawa, bilik koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah kecil dan sempit. Selain itu, bilik koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah terletak di luar Jabatan Muzium Sarawak dan merupakan bilik koleksi sementara.

Bagi mengeluarkan atau penyingkiran objek dari bilik koleksi, hanya Kurator koleksi dan pendaftar atau pengurus koleksi sahaja yang berhak melakukan peranan ini. Bagi penjagaan dan pengendalian objek, syarat-syarat yang perlu dipatuhi setiap masa adalah;

- i. Objek tidak boleh diletakkan di atas lantai
- ii. Semua objek hendaklah diletakkan keseluruhannya di rak.
- iii. Objek tidak boleh bertindih antara satu sama lain.
- iv. Kad penanda penyingkiran hendaklah diletakkan pada mana-mana objek yang dikeluarkan dari rak penyimpanan.

Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab kurator koleksi untuk memastikan bahawa segala aspek dan dasar ini diikuti dan melaporkan dengan segera ke atas mana-mana mana berlaku perlanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dalam kes kajian

yang dilakukan pengkaji ke atas Jabatan Muzium Sarawak, syarat-syarat yang telah digariskan sendiri oleh Jabatan Muzium Sarawak ini adalah tidak sepenuhnya dipatuhi. Hal ini berlaku adalah disebabkan faktor ruang bilik koleksi yang tidak mampu menampung jumlah koleksi yang kian bertambah. Selain itu juga, bilik koleksi Jabatan Muzium Sarawak ini juga merupakan bilik koleksi sementara di mana bilik koleksi yang tetap adalah dalam proses pembinaan.

4.13 Penerbitan semula dan pengambilan gambar objek koleksi.

Semua objek dalam koleksi akan diambil gambar untuk tujuan rekod dan cetakan yang disimpan dalam dokumen objek. Pengambilan gambar dalam apa jua tujuan hendaklah di bawah pengawasan kuratorial atau pembantunya. Pelajar atau penyelidik yang meminta untuk penerbitan atau mengeluarkan semula gambar objek dalam koleksi akan dikenakan bayaran. Cetakan foto adalah tidak boleh digunakan bagi tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah. Bayaran biasanya akan dikenakan. Kandungan semua jenis pameran hendaklah diambil gambar untuk tujuan keselamatan. Semua pameran hendaklah diambil gambar bagi tujuan arkib. Setiap pameran boleh diambil gambar oleh pengunjung dengan kelulusan Pengarah bagi tujuan komersial sahaja. Penggunaan “flash” dan “tripod” adalah di larang dalam galeri pameran. Jurugambar juga adalah dilarang dan dihalang sekurang-kurang tiga kaki daripada objek pameran. Kurator koleksi adalah bertanggungjawab untuk memastikan dasar ini diikuti.

4.14 Penjagaan Koleksi.

Jabatan Muzium Sarawak menyenggarakan peruntukan bagi penjagaan koleksi dalam pembiayaan bajet tahunan bagi penjagaan berterusan dan pemuliharaan koleksi. Tanggungjawab kakitangan pihak pengurusan koleksi adalah melalui pemeriksaan berkala untuk menilai keperluan fizikal objek dalam koleksi dan membuat syor-syor yang sesuai dan berkaitan kepada Lembaga Pengarah. Tanggungjawab Jabatan Muzium Sarawak adalah bagi memastikan setiap koleksi mendapat perlindungan sewajarnya daripada kebakaran, kecurian, vandalisme, dan bencana. Pameran dan kemudahan penyimpanan bersama dengan sistem kawalan alam sekitar yang mencukupi adalah menjadi keutamaan yang tinggi pada setiap masa. Pertimbangan dibuat dalam menyediakan keselamatan kakitangan yang terlatih dan mengekalkan tahap kesedaran dan kefahaman prosedur koleksi yang tinggi. Bahagian penting bagi prosedur penjagaan koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah penubuhan dan perlaksanaan sistem rekod yang komprehensif yang mengandungi dokumen rekod status undang-undang hak milik ke atas objek, surat-menjurat, minit mesyurat dan dokumen yang berkaitan dengan perolehan objek, rekod pembatalan pendaftaran dan perolehan, dokumen dalam bentuk fotografi, pameran, keadaan dan sejarah pemuliharaan, lokasi semasa dan rekod peminjaman dan rekod inventori tahunan. Kurator koleksi dan pendaftar Jabatan Muzium Sarawak bertanggungjawab dalam penubuhan dan penyelenggaraan sistem rekod ini.

Antara faktor yang dititikberatkan semasa penjagaan koleksi bagi Jabatan Muzium Sarawak adalah faktor suhu, kelembapan bandingan (relative humidity) habuk dan gas pencemaran, organisma biologi mikro, dan tindak balas bahan.

Dalam kes kajian ini, pengkaji mendapati, pengecaman terhadap permasalahan merupakan langkah permulaan yang diambil oleh Jabatan Muzium Sarawak. Pihak pengurusan koleksi Muzium Sarawak melihat, mengesan dan mengecam segala faktor yang boleh menjelas keselamatan koleksi dari segi suhu, cahaya, kelembapan dan lain-lain. Masalah ini juga bergantung kepada persekitaran dan saiz tempatan penyimpanan koleksi. Mengikut pemerhatian yang dijalankan pengkaji, bilik penyimpanan koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah bilik simpanan yang bersifat mikro iaitu bilik simpanan yang sederhana kecil, almari dan bekas simpanan yang lain. Persekitaran ruang penyimpanan koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah kecil di mana dapat dilihat melalui penggunaan peti simpanan yang terhad dan penggunaan sepenuhnya ruang bilik koleksi. Terdapat juga di mana sesetengah koleksi hanya terletak dan disusun di atas lantai.

Bagi mengawal persekitaran mikro ini, Jabatan Muzium Sarawak telah mengambil beberapa langkah antaranya adalah melalui penggunaan penghawa dingin di dalam bilik penyimpanan koleksi. Selain itu, penggunaan lampu yang bersesuaian turut dititik berat oleh Jabatan Muzium Sarawak di mana dapat dilihat penggunaan lampu optik dipraktikkan di Jabatan Muzium Sarawak. Penggunaan lampu ini dapat mengurangkan bahang yang dikeluarkan. Selain itu, penggunaan gel silica dipraktikkan di Jabatan Muzium Sarawak seperti mana di muzium-muzium lain di Malaysia yang bertujuan untuk mengawal kelembapan.

Dalam proses penjagaan koleksi bagi mengawal makhluk perosak, pengkaji mendapati, Jabatan Muzium Sarawak melakukan pemantauan ke atas keadaan koleksi dari semasa ke semasa untuk mengesan kesan-kesan yang berpunca dari makhluk perosak

ini. Selain itu, langkah pencegahan turut dipraktikkan di Jabatan Muzium Sarawak ini di mana penggunaan gajet dan ubat-ubatan yang boleh menghalau makhluk perosak tersebut seperti penggunaan ubat gegat. Proses konservasi koleksi turut dijalankan dari semasa ke semasa bagi membuat rawatan dan memanjangkan tempoh hayat objek yang menjadi koleksi Jabatan Muzium Sarawak.

4.15 Pemuliharaan.

Tanggungjawab utama pihak pemuliharaan adalah untuk mengekalkan perlindungan alam sekitar bagi koleksi. Hal ini termasuk dari segi tahap suhu yang sesuai bagi memenuhi kehendak kemanusian dan keselamatan fizikal. Pemuliharaan objek memerlukan kelulusan bertulis dari pengarah bagi rawatan yang hendak dilakukan. Setiap rawatan yang dilakukan adalah bertujuan bagi memberi keseimbangan atau kestabilan pada objek. Pemuliharaan hanya dijalankan bagi keadaan khas dimana memerlukan kelulusan khusus dari Pengarah. Satu laporan penuh dan terperinci berkenaan rawatan pemuliharaan, termasuk gambar-gambar hendaklah disimpan dalam fail koleksi objek. Jika objek yang dirawat bukan merupakan harta atau hak milik muzium, kelulusan bertulis dari pemilik asal mesti dibuat dan diperolehi untuk mendapat hak rawatan pemuliharaan yang hendak dijalankan kecuali dalam keadaan kecemasan dimana mengancam atau memberi kerosakan pada fizikal sesuatu objek tersebut. Dalam hal ini, Pengarah boleh membenarkan setiap tindakan diambil mengikut budi bicaranya.

Sesuatu objek yang hendak menjadi koleksi muzium tidak akan dimasukkan ke dalam bilik koleksi sehingga Kurator berpuas hati dengan keadaan objek tersebut. Kurator

akan menentukan sama ada sesuatu objek akan diletakkan di dalam bilik pembekuan (deep freeze) setibanya objek tersebut di muzium bagi tempoh minimum 48 jam. Objek lain turut mendapat rawatan mengikut budi bicara kurator koleksi.




Rajah 4.14: Rumah panjang

Semasa pengkaji menjalankan kajian di Jabatan Muzium Sarawak satu pemuliharan objek rumah panjang sedang dijalankan. Dalam proses pemuliharaan ini, pengkaji mendapati medium atau bahan utama seperti daun nipah, buluh dan papan sebagai dinding perlu diperolehi dan digunakan seperti gambaran. Penggunaan material baru yang diaplikasikan semasa pemuliharaan objek ini adalah menyamai material asal walaupun tidak mencapai tahap keaslian sebenar. Kawalan seperti warna digunakan adalah sama ada bertepatan dengan warna asal atau hampir-hampir menyamai warna asal.

Dari segi teknik pembuatan pula, proses pemuliharaan adalah harus menggunakan teknik seperti teknik asal contohnya teknik anyaman atap yang diperbuat daripada daun nipah.

Rajah 4.15 :Carta Alir Proses Pemuliharaan Artifak



Rajah 4.16: Proses Kerja pemuliharaan Artifak

Bil.	Proses Kerja	Pegawai Dirujuk/ Melulusakn	Seksyen Undang- undang Peraturan
1.	Menerima artifak serta borang kemasukan dari Bahagian Etnologi dan pengurusan	Penolong Kurator Pembantu Makmal	
2.	Pastikan nombor katalog ditulis dengan jelas		
3	Teliti keadaan artifak		
4.	Tandatangan boring kemasukan dari BEPK. (Borang CMS001/98)		
5	Artifak digambar sebelum proses pulihara untuk disertakan dalam borang CONS/06)	Pembantu Makmal	
6	Penuhkan diskripsi kecelaan artifak dalam borang (Borang CONS/06)		
7	Kerja pulihara dimulakan. Langkah yang dilakukan bergantung kepada jenis artifak dan kecelaannya. Setiap tindakan hendaklah dicatat dalam boring (CONS/06)		
8	Tempoh untuk menyiapkan pemuliharaan setiap artifak ialah dengan kala 3,5 hingga 10 hari atau lebih bergantung kepada kecelaan artifak		
9	Setelah siap sepenuhnya gambar sesudah pulihara perlu dirakam untuk disertakan dalam boring CMS001/98		
10	Artifak dibungkus/dikemaskan dengan teliti mengikut prosedur yang betul		
11	Artifak yang telah siap dipulihara diambil oleh BEPK dengan menandatangi borang CMS001/98		

4.16 Penyebaran Maklumat Koleksi

4.16.1 Pameran

Pameran adalah merupakan salah satu cara penyebaran maklumat koleksi. Melalui pemerhatian pengkaji, pameran yang diadakan di Jabatan Muzium Sarawak adalah salah satu cara penyebaran maklumat berkenaan koleksi di samping dapat memberi maklumat dan pendidikan kepada pelawat. Penyebaran maklumat melalui pameran merupakan salah satu fungsi dan tujuan utama Jabatan Muzium Sarawak. Pameran-pameran yang dirancang dan diadakan merupakan cara penting dalam menarik orang ramai ke muzium sekaligus menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Dasar pameran Jabatan Muzium Sarawak adalah merupakan sebuah institusi yang berhak dan bertanggungjawab untuk menjalankan pameran ke atas koleksinya. Hal ini adalah tertakluk kepada piawaian yang telah digariskan. Pameran dilakukan dan diadakan di dalam ruang galeri muzium atau di luar muzium. Pameran yang diadakan di dalam ruang galeri muzium adalah pameran yang bersifat tetap. Manakala pameran yang diadakan di luar ruang galeri muzium adalah bersifat sementara di mana jenis pameran yang diadakan adalah berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan.

Bagi setiap pameran, pihak Jabatan Muzium Sarawak sentiasa memastikan keselamatan fizikal objek yang dipamerkan, menjaga tahap sensitiviti masyarakat dan budaya dan mengekalkan tahap professional

persembahan yang telah digariskan. Dalam mengadakan sesuatu jenis dan bentuk pameran, kelulusan dari Pengarah Jabatan Muzium Sarawak adalah diperlukan.

Antara pameran yang diadakan oleh Jabatan Muzium Sarawak adalah seperti;

1. Tajuk : Pameran Gawai Dayak 2011
Tempat: Muzium Seni Sarawak, Kuching
Tarikh : 24 Mei - 1 Julai 2011
2. Tajuk : Pameran Manik Se-Borneo
Tempat:Muzium Seni Sarawak
Tarikh : 15 Julai - 15 Ogos 2011
3. Tajuk :Pameran Sarawak Dalam Muzium
Tempat: Dewan Tun Abdul Razak, Kuching
Tarikh : 19 Julai - 31 Disember 2011
4. Tajuk : Arkeologi Malaysia
Tempat:Muzium Petroleum, Miri
Tarikh : 8 Ogos - 31 Disember 2011
5. Tajuk : Sakit Tapi Cantik
Tempat:Muzium Wilayah Baram, Marudi,Miri
Tarikh : 26 September - 31 Disember 2011

4.16.2 Pendidikan

Nilai pendidikan yang di sediakan oleh pihak muzium adalah diiktiraf. Pendidikan melalui muzium adalah pendidikan tidak formal tetapi dapat memberi pengetahuan dan maklumat tentang budaya, estetik, sejarah, sains dan disamping menjadi hiburan dan keseronokan kepada pengunjung. Muzium menjadi sumber yang menggalakkan capaian maklumat oleh kumpulan-kumpulan penyelidik dan untuk tujuan pengajaran. Capaian tersebut adalah dengan;

- Pameran di dalam galeri muzium
- Pameran di tempat lain, sama ada di dalam atau di luar galeri muzium
- Lawatan berpandu
- Pinjaman objek untuk pameran dan demostrasi budaya.

Semua aspek yang telah dinyatakan adalah berdasarkan polisi- polisi yang sesuai dan telah ditetapkan (pameran, pinjaman keluar dan sebagainya). Setiap individu atau kumpulan yang membuat pinjaman dan menggunakan koleksi muzium bagi tujuan pendidikan haruslah memenuhi kehendak dan syarat yang ditetapkan kurator koleksi iaitu mereka cekap dalam mengendalikan objek tersebut. Kurator koleksi diberi kuasa dan hak bagi meluluskan penggunaan sesuatu objek tersebut. Pengarah berhak untuk menyekat atau mengehadkan penggunaan objek atau koleksi tertentu atas sebab kelemahan objek, kepentingan

sejarah, saintifik dan sensitiviti budaya. Dalam hal ini, penggunaan objek tersebut akan mendapat nasihat oleh kurator koleksi.

Dalam pendidikan yang diterapkan bagi penyebaran maklumat koleksi, pengkaji mendapati setiap pameran yang diadakan memberi pengetahuan mengenai sesuatu tajuk atau objek melalui persembahan koleksi muzium dengan diberi pengertian atau interpretasi berdasarkan kajian dan penyelidikan yang boleh dimanfaatkan masyarakat dalam wadah fizik dan penggunaan ilustrasi serta media lain yang menyeronakkan. Dengan itu, sesuatu maklumat koleksi tersebut dapat disebarluaskan dan disampaikan secara terus kepada masyarakat.

Pendidikan merupakan medium yang penting dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat. Pendidikan ini dapat di lihat melalui penganjuran aktiviti dan pameran yang dijalankan oleh Jabatan Muzium Sarawak. Apabila berlangsungnya sesuatu aktiviti yang diadakan oleh Jabatan Muzium Sarawak ini, segala maklumat berkaitan koleksi dapat disampaikan kepada masyarakat secara terus. Selain itu, perkongsian ilmu dan budaya Sarawak dapat diperkembangkan.

4.16.3 Penerbitan

Penerbitan jurnal Muzium Sarawak bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan alam semulajadi dan sains kemanusiaan. Pada amnya, artikel-artikel yang diterbitkan adalah tertumpu kepada rantau Asia, khasnya untuk Negeri Sarawak dan Borneo. Pada dasarnya, muzium ini menerima manuskrip-manuskrip dari

para saintis antarabangsa, tetapi tumpuan diberi kepada keperluan para saintis tempatan terutama yang menjalankan penyelidikan bersama atau melalui Muzium Sarawak bagi memberi peluang kepada mereka menerbitkan hasil penyelidikan serta menyediakan forum untuk memperkayakan kepakaran masing-masing. Memandangkan Muzium Sarawak merupakan sebuah Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak, justeru itu setiap penulis adalah bertanggungjawab terhadap pandangan-pandangan serta fakta-fakta yang digunakan dalam penerbitan artikel masing-masing dan tidak semestinya mengambarkan dasar serta pandangan pihak Muzium Sarawak atau Kerajaan Negeri Sarawak.

Penerbit dan Kurator J.C. Moulton yang menulis dalam terbitan 1911 menyatakan "*Pertama, mari kita membincangkan tentang objektif penubuhannya- Untuk mempromosikan pengetahuan sains dan untuk mempelajari tentang masyarakat tempatan dan sejarah kepulauan Borneo- dan dijadikan sebagai alasan kita*". Berdasarkan pernyataan yang dinyatakan oleh J.C. Moulton ini jelas membuktikan bahawa dengan adanya penerbitan jurnal Muzium Sarawak ini, ianya dapat menyebarkan maklumat perolehan koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Semenjak muzium wujud, walaupun telah melalui keadaan tidak menentu, selama 88 tahun dalam kurun ke-20 dan telah membangun sehingga dikenali para cendikiawan, terutamanya tentang Borneo, di seluruh dunia. Jurnal Muzium Sarawak telah berjaya membawa masuk para cendikiawan ke Sarawak dan tempat-tempat lain di Borneo dan menjadikan Muzium Sarawak sebagai Muzium Penyelidikan. Jurnal-jurnal yang diterbitkan merupakan ruang utama untuk penerbitan nota-nota kerja luar dan hasil-hasil

penyelidikan. Penerbitan Jurnal Muzium Sarawak adalah setiap tahun. Dalam penerbitan ini segala ilmu berkaitan permuziuman dan koleksi Jabatan Muzium Sarawak dapat disebarluaskan dan dikongsi bersama. Di sini, pengkaji merasakan objektif dan misi pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak dalam penyebaran maklumat koleksi adalah tercapai.

4.16.3 Aktiviti lain.

Aktiviti khas yang diadakan pada sepanjang tahun di Jabatan Muzium Sarawak adalah bertujuan untuk memperkaya dan meningkatkan kefahaman masyarakat umum tentang budaya dan tradisi Negeri Sarawak. Melalui aktiviti-aktiviti khas seperti ceramah, para peserta akan menerima input yang berguna berkaitan aktiviti permuziuman khususnya berkaitan koleksi Jabatan Muzium Sarawak yang menggambarkan tentang muzik, tarian, upacara keagamaan, nyayian, peratalan etnik, yang ada di antaranya tidak lagi dipraktikkan oleh generasi muda. Program khas untuk murid-murid sekolah juga turut diadakan. Antara aktiviti-aktiviti khas ini adalah “Bicara Warisan”, “Night At The Museum” (program Sekolah), dan “Hari Muzium Sedunia”. Pengajuran aktiviti muzium ini dapat mendekatkan lagi muzium dengan masyarakat disamping dapat memberi pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Umum mengetahui bahawa salah satu peranan muzium adalah memulihara warisan budaya. Dengan adanya aktiviti sedemikian, warisan budaya dapat diperkenalkan serta disebarluaskan kepada umum melalui koleksi muzium.

BAB 5:

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan tentang tiga topik utama iaitu perbincangan, cadangan dan kesimpulan yang telah diperolehi hasil daripada kajian yang dijalankan. Secara keseluruhannya bab ini juga merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Justeru itu, dalam bab ini akan dimasukkan bahagian kesimpulan bagi merumuskan segala yang telah ditulis oleh pengkaji.

Selain itu juga dalam bab ini pengkaji turut membincangkan tentang kajian yang telah dijalankan. Pengkaji akan membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dan dianggap relevan.

5.1 Perbincangan

Daripada hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji, beberapa aspek dan rasionalnya pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Pertamanya adalah Muzium dianggap sebagai sebuah institusi penyimpanan barang-barang lama tinggalan masa lampau yang mempunyai sejarah dan nilainya tersendiri . Secara amnya muzium ditanggungjawab sebagai pemegang amanah warisan negara yang boleh menjadi rujukan kepada masyarakat tentang masa lampau. Muzium perlu mempunyai dasar khusus mengenai perolehan koleksi selaras dengan visi dan misi serta objektif penubuhannya bagi menentukan setiap koleksinya akan terpelihara dengan sempurna dan dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang. Pengurusan koleksi adalah amat penting dan mempunyai pendekatan yang khusus kerana koleksi adalah cermin identiti dan kewibawaan sesebuah muzium ini. Bagi Jabatan Muzium Sarawak, pengkaji mendapati Jabatan Muzium Sarawak telah berjaya menjadi pemeliharaan warisan bangsa. Hal ini kerana pengkaji mendapati dalam usaha pengumpulan koleksinya yang pelbagai dan merangkumi budaya dan warisan bangsa tetapi dalam menerapkan taraf professional dan teknologi serta berdaya dinamik, pengkaji mendapati Jabatan Muzium Sarawak belum bersedia ke arah tersebut kerana kurang pemahaman dan tidak mengaplikasikan dasar-dasar yang memenuhi taraf professional.

Jika memperkatakan tentang muzium, kita tidak dapat mengelak dari membicarakan berkenaan koleksi. Tanpa koleksi maka sesebuah institusi muzium itu tidak mantap. Koleksi merupakan kumpulan barang yang telah dikumpulkan. Koleksi ini merangkumi objek yang boleh disentuh dan dilihat. Bagi Jabatan Muzium, terdapat empat jenis koleksi utama iaitu koleksi etnologi, zoologi, arkeologi dan koleksi “archival”.

Dasar-dasar yang telah digunakan dan diterapkan dalam budaya kerja pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan mengikut piawaian antarabangsa dan menjadikan polisi dan prosidur dari beberapa institusi muzium yang lain seperti di Australia dan United Kingdom (UK). Melalui analisis data yang telah dibuat oleh pengkaji, polisi dan prosedur yang diguna pakai di Jabatan Muzium Sarawak adalah lebih kurang sama dengan polisi dan prosedur yang diguna pakai oleh muzium-muzium lain.

Dalam pemerhatian pengkaji, sungguhpun Pihak Jabatan Muzium Sarawak telah menggariskan dasar-dasar dan panduan dalam aktiviti pengurusan koleksi, namun, keberkesanan dasar-dasar dan panduan tersebut adalah tidak tercapai. Hal ini berlaku adalah disebabkan kurangnya pemahaman tentang prinsip-prinsip pengurusan koleksi. Pemahaman tentang prinsip-prinsip pengurusan koleksi membolehkan perkembangan yang baik bagi koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Selain itu, tanpa adanya sebarang pengetahuan tentang pembangunan budaya sesuatu koleksi, tidak mungkin untuk membina suatu cara atau dimensi dalam pembangunan koleksi dan memahami peranan muzium dalam masyarakat.

Dalam pengurusan koleksi seperti mana kajian yang telah dijalankan oleh Haslina Bt A. Shukor, pengkaji mendapati hasil atau dapatan kajian yang sama iaitu pengurusan

koleksi muzium terutamanya kes kajian yang dijalankan di Jabatan Muzium Sarawak, terdapat kelemahan-kelemahan walaupun dengan adanya panduan kaedah-kaedah permuziuman antarabangsa dan tatacara pengurusan. Selain kelemahan dari segi itu, pengkaji juga mendapati kelemahan dari segi sistem pendokumentasian iaitu sistem pendokumentasian yang tidak lengkap dan sukar untuk mengesan jumlah dan maklumat koleksi yang berada dalam bilik penyimpanan koleksi. Dasar-dasar permuziuman seperti dasar koleksi, dasar pemeliharaan dan pemuliharaan, dasar pinjaman dan dasar-dasar berkaitan yang lain masih belum lagi diperaktikkan sepenuhnya untuk dijadikan garis panduan dalam hal pengurusan koleksi Muzium di Jabatan Muzium Sarawak. Kelemahan-kelemahan ini telah menimbulkan banyak masalah dalam aspek pengurusan koleksi muzium dan bagi penyelidik yang tidak mungkin dapat diatasi dalam jangkamasa yang singkat.

Dalam kajian kes konservasi atau pemuliharaan koleksi yang dilakukan oleh pengkaji, peranannya dalam melakukan "House Keeping" bagi memelihara artifek juga tidak dapat di laksanakan mengikut peraturan "Museum Conservation" dan makmal yang bersesuaian bagi merawat artifak masih belum dapat diwujudkan. Selain itu, kekurangan penggunaan teknologi dalam merawat objek masih belum diperaktikkan di Jabatan Muzium Sarawak.

Dalam pertemuan dan temubual yang dijalankan pengkaji kepada pegawai Jabatan Muzium Sarawak, masalah yang dihadapi dalam pengurusan koleksi muzium adalah dalam aktiviti penyimpanan objek koleksi. Berdasarkan pemerhatian dan penerangan pihak muzium tersebut, pengkaji mendapati, ruang penyimpanan koleksi yang agak terhad mengakibatkan cara penyusunan dan penyimpanan yang betul mengikut piawaian

yang telah digariskan tidak dapat dipraktikkan dengan sepenuhnya. Hal ini disebabkan,bangunan sedia ada bagi penempatan dan penyimpanan objek koleksi ini ada bangunan sementara dan bangunan tetap adalah dalam pembinaan.

5.2 Cadangan

Menyedari pentingnya aspek pengurusan koleksi muzium terhadap perkembangan muzium, pengkaji cuba mencadangkan beberapa cadangan yang dianggap wajar dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Negeri Sarawak dalam melestarikan aspek pengurusan koleksi dalam pengekalan khazanah warisan budaya negara khusus budaya tempatan. Antaranya ialah Jabatan Muzium Sarawak dapat memperkuatkan sistem pelaksanaan perhubungan awam (*public relations*) menerusi internet melalui meningkatkan kerjasama pihak media cetak dan elektronik tempatan serta antarabangsa. Hal ini kerana masyarakat tidak mengetahui dan tidak terdedah dengan aspek pengurusan koleksi. Dengan adanya pendedahan berkenaan pengurusan koleksi ini, ianya membolehkan masyarakat lebih menghargai peranan muzium dalam pengumpulan dan pemeliharaan warisan budaya Negara.

Dari aspek penyebaran maklumat pula, pengkaji menyarankan agar Jabatan Muzium Sarawak dapat meningkatkan promosinya. Sebagai contoh, muzium di London dan Paris sentiasa menawarkan pakej istimewa kepada pelawat (kad keahlian) kepada pengunjung atau pelawat yang berdaftar. Dengan itu, segala maklumat dan hebahan dapat diketahui umum dan menyeluruh.

Jabatan Muzium Sarawak juga boleh memperbanyakkan dan mempelbagaikan pameran berbentuk “edutainment”, “infotainment”, interaktif dan 3-Dimensi. Hal ini dianggap penting bagi pengkaji untuk membantu pihak muzium menyalurkan dan menyampaikan maklumat dengan lebih efektif selari dengan arus kemodenan kini. Pihak muzium juga haruslah memperbaiki kandungan pameran seperti meletakkan kapsyen dengan pendekatan yang naturalistik. Ini kerana kapsyen merupakan sumber penting untuk memberi informasi bagi sesebuah pameran.

Selain itu, pihak pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak perlulah melaksanakan satu pendekatan atau satu kaedah analisis bagi mengkaji prestasi pengurusan koleksi muzium dengan menggunakan teknik analisis S.W.O.T (strengths, weaknesses, opportunities, threats) iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman/halangan. Diharap dengan adanya analisis ini, ianya membolehkan pihak pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak mengenal pasti faktor luaran dan dalaman yang menjadikan keberkesanan pengurusan koleksi muzium. Dengan itu, segala kelemahan dan peluang dalam membangunkan serta menjadikan budaya kerja pengurusan koleksi Jabatan Muzium Sarawak lebih sistematik dan mencapai tahap piawaian antarabangsa.

Dalam mencapai tahap piawaian antarabangsa pula, pengkaji menyarankan agar pihak pengurusan koleksi Jabatan Muzium memberi lebih kesedaran kepada kakitangan dalam pengendalian koleksi muzium. Dengan adanya kesedaran dan penerapan polisi-polisi yang telah digariskan, keselamatan objek koleksi dapat dipelihara.

5.3 Kesimpulan

Jika ditinjau kembali peranan muzium, salah satu peranan muzium adalah dalam bidang pengurusan koleksi. Bidang pengurusan koleksi merupakan tunggak utama muzium dalam mencapai matlamatnya

Muzium adalah sebuah institusi budaya yang berjaya di seluruh dunia sama ada muzium budaya, sains, alam semula jadi, dan seni. Banyak negara telah menanam pelaburan yang besar dalam membina institusi muzium seperti Muzium Bilboa di Portugal, Muzium Nasional Korea Selatan dan juga Singapura dalam usaha menarik pelancong dan juga dalam memberi pengertian budaya sesuatu negara atau secara global.

Justru Pengurusan Koleksi Muzium adalah satu bidang yang berkembang pesat dan telah melalui perubahan dan penyesuaian mengikut zaman dengan penekanan kepada sistem penyampaian maklumat yang berkesan melalui produk atau koleksi pameran yang unggul, konsep yang jelas, kapsyen dan penceritaan yang mudah difahami dan persempahan yang menarik dan ceria serta menyeronokan.

Pengurusan koleksi muzium berkisar kepada kepimpinan selaku fasilitator dan penggerak utama dalam mencapai matlamat organisasi selaras dengan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan oleh pengurusan atasan. Hal ini kerana, kejayaan dan keberkesanan visi, misi dan objektif muzium bergantung dengan hasil koleksi yang diperolehi. Oleh itu, pengurusan koleksi memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat tersebut.

Secara keseluruhannya, perkembangan Jabatan Muzium Sarawak banyak bergantung dengan pengurusan koleksi. Dengan adanya pengurusan koleksi yang berkesan, ianya membolehkan peranan dan aktiviti muzium dapat disampaikan. Aktiviti

pengurusan koleksi adalah merangkumi bidang yang meluas iaitu dari peringkat perolehan, pemeliharaan, penjagaan, penyimpanan sehingga ke peringkat penyebaran maklumat. Melalui pengurusan koleksi ini, perkongsian ilmu tentang warisan budaya dapat disebarluaskan dan kekalannya dari arus pemodenan.



BIBLIOGRAFI

i. Buku dan Penulisan

Anne Fahy. (1995), *Collection Management*. Routledge

Corsane, G. Ed. 2005. *Heritage, Museum and Galleries: An Introductory Reader*. London: Routledge.

Eilean Hooper-Greenhill (2007) *Museum and Education*, Routledge 270 Madison Ave, New York.

Goode, G. B. 1897. The museums for the future. *Annual report for the Smithsonian Institution*. Washington DC: The Government Printing Office.

Haslina Bt. A. Shukor(1990). *Kajian Terperinci Mnegenai Perancangan Sesebuah Muzium_Muzium Sains*, Diploma Seni Bina Universiti Teknologi MARA. Shah Alam.

Hebditch, M. Ed. 1990. *Managing Conservation, Conference Preprints*. London: UKIC.

ICOM. 1972. *The museum in the service of man: today and tomorrow*. Paris: International Council of Museums.

Keene, Suzanne. 1996. *Managing Conservation in Museums*. Jordan Hill: Butterworth Heinemann.

_____ & Mackenzie, R. 1990. *The Excluded Past: Archaeology in Education*. London: Unwin Hyman.

- ____ &Molyneaux, B. 1994.*The Presented Past: Heritage, Museums and Education.* London & New York: Routledge
- Muhd Abi Sudfian (2005), *Mengurus Gerai Pameran*, percetakan Zafar Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Mohd Zulkifli Abdul Aziz, (1974). “*Penubuhan Muzium-Muzium Negeri Semenanjung Malaysia*” Kertas Kerja : Muzium Negara, Kuala Lumpur
- Olofsson, Ulla K. 1979. *Museums and Children*. Monographs on Education. Paris:UNESCO
- Richard Sandell and Robert R. Janes (2007), , *MuseumManagement and Marketing*, Routledge.
- Simon Knell (1994) , *Care of Collection*: Routledge
- Susan M. Pearce (1994), *Intrepreting Objects and Collections*: Routledge
- Suzanne Keene (2005) *Elsevier Butterworth Heinemann, Fragment of the World Uses of museum Collections.*
- Suzanne Keene (2002) , *Elsevier Butterworth Heinemann ,Managing conservation in museums Second edition.*
- Suzanne Keene (2005), *Fragments of the World, Uses of Museum Collections*, Elsevier: Butterworth Heinemann.
- Teggart F.J (1960), *Theory and Processess of History*, California.

ii. Laman Web

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (<http://kebudayaan.kpkk.gov.my/about/perkhidmatan/?c=970>) (Dipetik dan diambil pada 27 Mac 2011)

Jabatan Muzium Sarawak (2011). *Malaysian Borneo's Muzium Sarawak: A Colonial Legacy in Postcolonial Context*, <http://www.culturalsurvival.org/ourpublications/csqa/article/malaysian-borneos-muzium-sarawak-a-colonial-legacy-postcolonial-context> , (Diambil dan dipetik pada 3 April 2011)

Malaysia, Jabatan Muzium Negara (2011), *Cabarani 'Hidupkan' Muzium*. Dilihat pada 11 November 2011, 02:45pm, daripada <http://www.jmm.gov.my>



Lampiran:**Responsibility****1. Curator**

- i. Responsible for the overall management of the collection
- ii. Recommends objects for acquisition and deaccession (deregistration)
- iii. Cataloguing – assembling together of all the primary information about each item in the collection.
- iv. Responsible for attribution and authentication of the collection.
- v. Responsible for recommending loans
- vi. Determining and arranging the correct methods of handling, packing and transporting objects.
- vii. Responsible for collection-related research and the publication of the results of that research
- viii. Responsible for the training of staff of the section.

2. Assistant Curator (Registrar)

- i. Responsible for creating, organizing and maintaining orderly forms, legal document, files, and retrieval systems associated with the following: acquisition, cataloguing and loans

- ii Responsible for organizing, documenting and coordinating all aspects of borrowing and lending objects which include processing incoming and outgoing loans.
- iii. Photographing of object prior to acquisitions.
- iv. Registering all acquisitions into the inventory book.
- v. Making “random Check” on all collections and updating records for stock verification purpose.

3. Museum Assistant (Collection Manager)

- i. Responsible for supervising, numbering and storing the specimens
- ii. Responsible for the maintenance of store.
- iii. Responsible for the retrieving of artefacts for loans and research.
- iv. Making condition report for conservation purpose
- v. Assisting researchers in the collections store and gallery.